

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH**

**Selasa, 8 Ogos 2023**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10:00 pagi**

Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Richard Yong We Kong, P.G.D.K. [Timbalan Speaker]
Yang Berhormat	Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar, P.G.D.K., [Timbalan Speaker]
Yang Amat Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., [Ketua Menteri] [N.12 Sulaman]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, S.P.D.K., P.G.D.K., [Timbalan Ketua Menteri I / Menteri Pertanian dan Perikanan] [N.39 Tambunan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, S.P.D.K., P.G.D.K., A.S.D.K., [Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan dan Tempatan] [N.36 Kundasang]
Yang Berhormat	Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya, P.G.D.K., B.S.K., J.P., [Timbalan Ketua Menteri III/Menteri Kerja Raya] [N.24 Tanjong Keramat]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun, S.P.D.K., P.G.D.K., K.M.N., A.D.K., A.M.N, J.P., [Menteri Kewangan] [N.37 Karanaan]
Yang Berhormat	Datuk Jahid bin Jahim, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.14 Tamparuli]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif, P.G.D.K., J.P., [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.31 Membakut]
Yang Berhormat	Datuk Ellron bin Angin, P.G.D.K., A.S.D.K., B.K., [Menteri Belia dan Sukan] [N.45 Sook]
Yang Berhormat	Datuk James bin Ratib, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.48 Sugut]

Yang Berhormat	Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew, [Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar], P.G.D.K., [N.20 Api-Api]
Yang Berhormat	Tuan Phoong Jin Zhe, [Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan], A.S.D.K., [N.21 Luyang]
Yang Berhormat	Datuk Abidin bin Madingkir, P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.38 Paginatan]
Yang Berhormat	Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri] [N.68 Apas]
Yang Berhormat	Datuk Haji Ruslan bin Muharam, [Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri], P.G.D.K., A.S.D.K., [N.34 Lumadan]
Yang Berhormat	Tuan Hendrus Anding, A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan] [N.7 Tandek]
Yang Berhormat	Tuan Peto Galim, [Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan], [N.18 Inanam]
Yang Berhormat	Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @ Liasnih, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.32 Klias]
Yang Berhormat	Datuk Limus bin Jury, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K. [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.33 Kuala Penyu]
Yang Berhormat	Datuk Robert Tawik @ Nordin, P.G.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Kerja Raya] [N.40 Bingkor]
Yang Berhormat	Datuk Julita Mojungki, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Masyarakat] [N.5 Matunggong]
Yang Berhormat	Tuan Samad bin Jambri @ Jamri, A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.49 Labuk]
Yang Berhormat	Dato' Sri Dr. Ruddy bin Awah, J.P., [Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar] [N.3 Pitas]
Yang Berhormat	Datuk Joniston bin Lumai @ Bangkuai, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., [Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar] [N.15 Kiulu]
Yang Berhormat	Datuk Harun bin Durabi, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., [Pembantu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] [N.2 Bengkoka]

Yang Berhormat	Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy, P.G.D.K., A.S.D.K., B.S.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan] [N.71 Tanjung Batu]
Yang Berhormat	Tuan Tan Lee Fatt, A.S.D.K., [Pembantu Menteri Kewangan] [N.19 Likas]
Yang Berhormat	Datuk Flovia Ng, P.G.D.K., A.S.D.K., [Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat] [N.44 Tulid]
Yang Berhormat	Datuk Fairuz bin Renddan, P.G.D.K., [Pembantu Menteri Belia dan Sukan] [N.8 Pintasan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said, S.P.D.K., P.G.D.K., D.G.S.M., [N.10 Usukan]
Yang Berhormat	Tuan Mohammad bin Mohamarin, A.S.D.K., [N.1 Banggi]
Yang Berhormat	Tuan Chong Chen Bin, A.S.D.K., [N.4 Tanjung Kapor]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Arsad bin Bistari [N.3 Tempasuk]
Yang Berhormat	Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin, A.S.D.K., [N.17 Darau]
Yang Berhormat	Datuk Wong Hong Jun, P.G.D.K., [N.22 Tanjung Aru]
Yang Berhormat	Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari, [N23 Petagas]
Yang Berhormat	Puan Jannie Lasimbang, A.S.D.K., [N.25 Kapayan]
Yang Berhormat	Datuk Ignatius Dorell Leiking, P.G.D.K., [N.25 Moyog]
Yang Berhormat	Datuk Ewon Benedick, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.11 Kadamaian]
Yang Berhormat	Datuk Juil bin Nuatim, [N.27 Limbahau]
Yang Berhormat	Datuk Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, P.G.D.K., D.M.S.M., A.S.D.K., J.P. [N.28 Kawang]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Daud bin Yusof, A.S.D.K., A.D.K., [N.30 Bongawan]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Yusof bin Yacob, P.G.D.K., [N.35 Sindumin]
Yang Berhormat	Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [N.41 Liawan]
Yang Berhormat	Datuk Rubin bin Balang, P.G.D.K., [N.43 Kemabong]
Yang Berhormat	Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, P.G.D.K. [N.46 Nabawan]

Yang Berhormat	Tuan Jonnybone J. Kurum [N.47 Telupid]
Yang Berhormat	Tuan Arunarnsin bin Taib, A.S.D.K., [N.50 Gum-Gum]
Yang Berhormat	Tuan Alias bin Sani [N.53 Sekong]
Yang Berhormat	Tuan Hiew Vun Zin, A.S.D.K., [N.54 Karamunting]
Yang Berhormat	Tuan Calvin Chong Ket Kiun [N.56 Elopura]
Yang Berhormat	Datuk Poon Ming Fung @ Frankie, P.G.D.K., [N.56 Tanjong Papat]
Yang Berhormat	Datuk Masiung Banah, P.G.D.K., A.S.D.K., [N.57 Kuamut]
Yang Berhormat	Tuan Assaffal bin P. Alian, A.S.D.K., [N.60 Tungku]
Yang Berhormat	Datuk Mohammadin bin Ketapi, P.G.D.K. [N.61 Segama]
Yang Berhormat	Tuan Dumi bin Pg. Masdal, A.S.D.K., [N.62 Silam]
Yang Berhormat	Puan Norazlinah binti Arif, A.S.D.K., [N.63 Kunak]
Yang Berhormat	Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong, P.G.D.K., D.I.M.P., A.S.D.K., A.D.K., [N.64 Sulabayan]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, S.P.D.K., P.N.B.S., S.P.M.P., D.M.S.M., D.S.A.P., P.G.D.K., J.P. [N.65 Senallang]
Yang Berhormat	Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [N.66 Bugaya]
Yang Berhormat	Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [N.67 Balung]
Yang Berhormat	Tuan Justin Wong Yung Bin [N.69 Sri Tanjong]
Yang Berhormat	Tuan Sarifuddin bin Hata, A.S.D.K., [N.72 Merotai]
Yang Berhormat	Tuan Hassan A. Gani Pg. Amir [N.73 Sebatik]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee, S.P.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Amisah Yassin, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Jaffari bin Waliam, P.G.D.K., [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Tuan Dr. Aliakbar bin Gulasan [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Wetrom bin Bahanda, P.G.D.K., [N.6 Bandau]
Yang Berhormat	Datuk Jasnih bin Daya, P.G.D.K., [N.13 Pantai Dalit]

## **TIDAK HADIR**

Yang Berhormat	Datuk Mohamad Hamsan bin Awang Supain, P.G.D.K., A.S.D.K, A.D.K., [Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan] [N.52 Sungai Sibuga]
Yang Berhormat	Datuk Haji Yakubah Khan, P.G.D.K., J.P., [N.16 Karambunai]
Yang Berhormat	Tuan Mohd. Tamin @ Tamin bin Zainal, A.S.D.K., [N.29 Pantai Manis]
Yang Berhormat	Datuk Peter Anthony, P.G.D.K., D.I.M.P., [N.42 Melalap]
Yang Berhormat	Tuan Mokran Ingkat [N.51 Sungai Manila]
Yang Berhormat	Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin, S.P.D.K, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., J.P [N.58 Lamag]
Yang Berhormat	Datuk Jafry bin Arifin, P.G.D.K., J.P., [N.59 Sukau]
Yang Berhormat	Puan Rina binti Haji Jainal [N.70 Kukusan]
Yang Berhormat	Datuk Suhaimi Nasir, P.G.D.K. [ADUN Dilantik]
Yang Berhormat	Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]

## **TURUT HADIR**

Yang Mulia	Puan Rafidah binti Maqbool Rahman [Setiausaha Dewan]
	Puan Christine Lim [Pegawai Tadbir]
	Encik Rosman Amad [Timbalan Setiausaha]
	Encik Mohd. Sabri bin Metan [Bentara Mesyuarat]
	Encik Juhaidey Porimin [Penolong Bentara Mesyuarat]

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH  
SIDANG REDAKSI PENYATA RASMI**

**KETUA PENYELIA HANSARD**

[Puan Rafidah binti Maqbool Rahman]

**PENOLONG KETUA PENYELIA HANSARD**

[Puan Christine Lim]

**PENYELIA HANSARD**

[Puan Beatrice Natasha Mujip]

**EDITOR**

[Puan Maslijan Abdul Rasad]

[Encik Ahmad Fazly Sahar]

[Puan Nada Haifa Remlle]

**SUBEDITOR 2**

[Puan Nellzarina Nur Nelszuliaqah Mohd Daniel Ardi]

**SUBEDITOR 1**

[Puan Tresa binti Sylvester @ Fanny]

[Puan Mohelena Mawan]

[Puan Nadia binti Nasyaruddin]

[Puan Siti Jubaidah binti Kimsin]

[Puan Theodora Joseph]

[Tuan Darryl Jude Donis]

[Puan Azyatul Nurhani binti Salleh]

[Puan Ramenah Limin]

**PELAPOR**

[Julian Alex Anoi]

[Rupika Latak @ Rahim]

[Annety Cueennera Jaikon]

[Gracia Samuel]

[Hastrina binti Madurin]

[Nur Natasha binti Hamdan]

[Adibah Nadzirah binti Nain]

[Mohd. Zulfikree bin Mohd. Sabki @  
Abdul Musa]

[Nor Farhanna binti Ahmad Shah]

[Khairul Azman bin Sehat]

[Norhazirah binti Mohd. Salim]

[Nuriahtika binti Juklis]

[Evy Charlyn Masiul]

[Maria Hannah Hohly]

[Noreera Sahera binti Amin]

[Zurina binti Asgar]

[Muhammad Amirul Asyraf bin Kasim]

[Nelly Marcella Hidos]

[Charity Jimis]

[Rohani Zaidi]

[Adrian Soliun]

[Muhammad Safwan bin Sapdin]

[Maria Hannah Hohly]

[Saleha binti Sapri]

[Nabila binti Mohammad Shahril]

[Lovella Devera Philip]

[Theodora Boniface]

[Abdul Wafiy Abu Bakar]

**Doa**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Penolong Setiausaha Dewan.

**Setiausaha Dewan:** Pemasyuran daripada Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Dr. Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin Yang di-Pertua Negeri Sabah telah memperkenankan enakmen-enakmen yang telah diluluskan di Dewan Negeri Sabah dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Keenam Belas yang lalu seperti berikut:

- i. Enakmen Wakaf Negeri Sabah Pindaan 2023;
- ii. Enakmen Hutan Penubuhan Hutan Simpan dan Pindaan 2023;
- iii. Enakmen Tanah Pindaan 2023; dan
- iv. Enakmen Perlembagaan Negeri Sabah Pindaan 2023.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima surat permohonan untuk tidak menghadiri persidangan pada kali ini daripada:-

Yang Berhormat N.16 Karambunai, 8 - 10hb.

Yang Berhormat N.29 Pantai Manis, 8 - 10hb.

Yang Berhormat N.42 Melalap, 8 - 10hb.

Yang Berhormat N.51 Sungai Manila, 8 - 10hb.

Yang Berhormat N.58 Lamag, 8 - 10hb.

Yang Berhormat N.59 Sukau, 8 - 10hb.

ADUN Yang Dilantik Yang Berhormat Datuk Suhaimi bin Haji Nasir, 8 - 10hb.

ADUN Yang Dilantik Yang Berhormat Datuk Raime bin Unggi, 8 - 10 hb.

Saya juga menerima permohonan cuti daripada Yang Berhormat daripada N.7 Tandek untuk tidak hadir pada 10 hari bulan, Yang Berhormat daripada Sungai

Sibuga untuk tidak hadir pada 8 hari bulan dan Yang Berhormat daripada kawasan N.70 Kukusan pada 8 hari bulan. Permohonan diluluskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan Peraturan Tetap 17(1) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Sabah, maka di sini saya memaklumkan bahawa risalah-risalah mesyuarat berikut dibentangkan pada persidangan Dewan kali ini iaitu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian, Jabatan, Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Tahun 2022 Siri 2, dan Sijil-sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah, kepada dua Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri yang baharu iaitu, Yang Berhormat Datuk Richard Yong We Kong dan Yang Berhormat Datuk Haji Al Hambra bin Tun Juhar yang telah dilantik pada 13hb. Jun 2023. Saya percaya kedua-dua Timbalan Speaker yang baharu ini menjalankan amanat dan mandat yang diberikan dengan penuh kebijaksanaan.

Saya juga ingin mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada dua mantan Timbalan Speaker, iaitu Yang Berbahagia Datuk Haji Ahmad bin Abdul Rahman dan Yang Berbahagia Datuk George Anthony Ginibun yang sepanjang perkhidmatan mereka yang telah banyak membantu dan melancarkan perjalanan persidangan DUN ini. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Timbalan Speaker DUN yang baharu seperti mana yang telah diberikan kepada mantan Timbalan Speaker sebelum ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Nursuhadah binti Haji Basah dan seluruh ahli keluarga atas kembalinya ke rahmahtullah suami yang dikasihi Almarhum Datuk Seri Panglima Haji Ghapur bin Salleh mantan ADUN Kalabakan dan mantan Menteri Kabinet Negeri Sabah pada 4 Julai 2023, bersamaan 15 Zulhijah 1444.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kedua ini akan bersidang selama tiga hari bermula dari hari ini 8 Ogos 2023 sehingga 10 Ogos 2023. Untuk makluman Ahli-



ahli Yang Berhormat, sesi persidangan pada kali ini akan diteruskan tanpa ada waktu rehat pada jam 12 tengah hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh keluar Dewan untuk makan tengah hari, solat dan sebagainya secara bergilir-gilir.

Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimohon untuk memastikan bilangan korum di dalam Dewan sentiasa cukup. Mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan, perbahasan diminta mengemukakan senarai nama mereka kepada pihak urus setia dengan seberapa segera dan saya mohon agar Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi nama untuk berucap, sentiasa berada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menunggu giliran berbahas.

Diingatkan juga pada Yang Berhormat Menteri untuk kemukakan jawapan-jawapan bertulis kepada mana-mana soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab secara lisan semasa sesi persidangan dan juga pada sesi perbahasan sesegera yang boleh. Sila pastikan untuk kemukakan satu salinan jawapan secara bertulis itu kepada Dewan untuk tujuan direkodkan di *hansard*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kita berada di fasa endemik COVID-19, namun adalah dinasihatkan berdasarkan penilaian sendiri jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat berasa tidak sihat dan mendapati diri mempunyai gejala COVID-19...

**8/8/2023 - RAKAMAN 2 - [10:10 PAGI - 10:20 PAGI] - [ADIBAH] - AZYATUL - AHMAD**

**Tuan Speaker:** Dinasihatkan agar membuat ujian saringan terlebih dahulu sebelum menghadiri persidangan dewan. Selain itu, walaupun ini, walaupun kini telah diberikan kelonggaran penggunaan pelitup muka, Ahli-ahli Yang Berhormat adalah digalakkan untuk meneruskan penggunaan pelitup muka sepanjang berada di dalam dewan dan bolehlah membuka pelitup muka ketika berucap di dewan dan memakai semula selepas berucap. Seterusnya, saya sekali lagi ingin mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan Tetap sepanjang sesi persidangan agar persidangan kita pada kali ini dapat berjalan dengan baik. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk memastikan agar persidangan kita berjalan dengan lancar, insya-Allah. Setiausaha. Sila teruskan.

**Setiausaha Dewan:** Pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk speaker, *standing order*.

**Tuan Speaker:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Minta izin dengan Datuk Speaker *standing order*, 13(k) dan juga 13(l), iaitu urusan persidangan Dewan yang mulia ini, tadi yang Datuk Speaker telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri-menteri perlu menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan dalam Sidang Dewan, dan juga kalau tidak sanggup jawab secara bertulis. Cuma, saya ingin bertanya kepada Datuk Speaker, dalam persidangan Dewan yang telah lalu, bahawa ada lima kementerian kalau tidak silap saya yang tidak menjawab soalan yang telah dibangkitkan dalam penggulungan.

Cuma saya minta kepada Datuk Speaker sama ada satu amalan untuk membolehkan Menteri-menteri digalakkan untuk tidak menjawab, menjawab secara bertulis ataupun Ketua Menteri selaku Ketua Menteri boleh menggulung keseluruhan persoalan yang dibangkitkan. Kerana, saya tidak ingin melihat bahawa adakan timbul kekeliruan. Bila berbangkit di Dewan tidak dijawab, lepas itu akan dibangkit di luar dan ini menimbulkan satu masalah. Jadi, saya hanya bertanya kepada Datuk Speaker dari segi urusan Persidangan 13(k) dan 13(l), iaitu bila menteri ditanya jawapan sama ada secara lisan secara bertulis. Sama ada ini menjadi amalan pasal Sidang dulu kita bangkit banyak persoalan Timbalan Menteri, Timbalan Ketua Menteri, Menteri-menteri tidak menjawab soalan. Terima kasih, Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Senallang, dalam persidangan yang lepas semasa penggulungan. Sebelum itu, dalam Peraturan Tetap tidak ada memestikan bahawa semua Menteri mesti menggulung atau menjawab, ya. Dan biasanya, ia akan dirangkumkan dalam jawapan Ketua Menteri sebagai jawapan. Walau bagaimanapun, dalam jawapan Ketua Menteri kalau ia secara umum. Yes, dia boleh dijawab secara bertulis khusus kepada isu yang dibangkitkan oleh mana-mana pembahas oleh Menteri berkenaan dan oleh yang demikian, dalam Persidangan yang lepas semasa penggulungan jawapan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri,

Yang Amat Berhormat ada menyatakan dalam penggulangan beliau, mana-mana isu yang telah dibangkitkan yang tidak terjawab atau terjelas dengan di dalam penggulangan ini bolehlah dijawab secara bertulis oleh Kementerian-kementerian yang terbabit.

Oleh itu, saya minta semua Kementerian-kementerian mana yang ada isu-isu yang dibangkitkan mengenai Kementerian masing-masing yang tidak terangkum dalam penggulangan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Sila jawab secara bertulis kepada semua ADUN-ADUN yang telah membangkitkan isu-isu tersebut, ok. Sebelum kita memulakan sesi kita pada pagi ini, sukacita saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar daripada SMK Tamparuli seramai 40 orang dan seorang guru, kerana mengikuti persidangan kita pada pagi ini, saya mengucapkan selamat datang, dan selamat belajar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat, daripada Kapayan.

**Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]:** Terima kasih. Selamat pagi, Tuan speaker. Soalan saya adalah soalan nombor satu.

#### **JUMLAH PENERIMA SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) DI SABAH TAHUN 2023 DAN SEBAB-SEBAB PEMOHON YANG GAGAL MENDAPATKAN BANTUAN.**

\*1. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah jumlah penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di Sabah setakat tahun 2023, khususnya di Kapayan dan apakah sebab-sebab bagi pemohon yang gagal mendapatkan bantuan ini.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat.

#### **Jawapan**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Tuan speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kapayan, serta Dewan yang mulia ini. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) merupakan ikhtiar untuk meringankan beban sara hidup di bawah tekad ketiga yang menelusuri kerangka pembangunan Malaysia Madani, iaitu menegakkan keadilan sosial untuk merapatkan kesenjangan atau ketidakseimbangan. Secara keseluruhannya, Sumbangan Tunai Rahmah (STR)

akan membantu meringankan beban sara hidup kepada lebih kurang 8.7 juta penerima dengan peruntukan hampir RM8 bilion di seluruh negara.

Bagi negeri Sabah, jumlah keseluruhan penerima adalah seramai 799,782 orang yang melibatkan peruntukan sebanyak 696.3 juta ringgit. Jumlah penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) tidak berdasarkan kategori mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri. Namun begitu, berdasarkan data penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Kapayan yang di *extract* berdasarkan maklumat alamat dan poskod yang dikemukakan oleh pemohon. Terdapat 1,345 penerima dengan peruntukan lebih kurang satu juta ringgit. Tuan Speaker, antara sebab-sebab permohonan tidak diluluskan adalah kerana tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

1. Pemohon mempunyai pendapatan melebihi RM5000.00 sebulan bagi isi rumah serta warga emas, tiada pasangan dan melebihi RM2,500.00 bagi individu bujang.
2. Kegagalan pemohon untuk mengemukakan dokumen yang menunjukkan status perkahwinan atau perceraian.
3. Tidak melepasi syarat individu bujang dan berstatus pelajar sepenuh masa.

Tuan Speaker, dari segi kaedah pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dikreditkan terus ke akaun bank penerima dan telah dilaksanakan mengikut fasa. Terkini, pembayaran fasa tiga adalah pada 26 Jun 2023 sehingga 5 Julai 2023. Manakala, penerima yang tiada akaun bank pula, boleh membuat penunaian di cawangan-cawangan bank di Bank Simpanan Nasional yang berdekatan sehingga 31 Disember 2023. Bagi memastikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) ini juga dapat disampaikan kepada penerima khususnya dikawasan luar bandar dan pedalaman, kerajaan akan melaksanakan program penunaian di lapangan yang melibatkan daerah-daerah yang berkaitan di negeri Sabah bermula 3 Ogos 2023 sehingga pertengahan September 2023.

Untuk makluman, saya ingin menerangkan mengikut statistik penerima STR, iaitu mengikut daerah-daerah. Kota Kinabalu, jumlah penerima 131,120 orang,

Sandakan 84,190 orang, Tawau 78,186 orang, Keningau 47,171 orang, Kota Marudu 44,898, Lahad Datu 40,990, Kota Belud 36,100.

**8/8/2023 - RAKAMAN 3 [10:20 PAGI - 10:30 PAGI] - [MARIA] - SITI JUBAIDAH - NADA HAIFA**

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** ...Papar 33,464; Semporna 33,078; Ranau 32,820 orang; Kudat 31,155; Tuaran 27,130; Beaufort 19,850; Tenom 19,262; Penampang 17,688; Beluran 15,743; Tamparuli 14,513; Kota Kinabatangan 12,850; Tambunan 12,727; Sipitang 11,352; Kunak 10,829; Nabawan 10,142; Membakut 6,743; Kuala Penyu 5,918; Telupid 5,855; Inanam 4,428; Bongawan 4,111; Menumbok 2,675; Likas 1,182 dan Putatan 1,079.

Syarat kelayakan individu yang terdiri daripada kategori-kategori berikut adalah layak untuk menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR):-

1. Kategori isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM5,000;
2. Kategori warga emas tiada pasangan yang mempunyai pendapatan di bawah RM5,000 dan berusia 60 tahun dan ke atas;
3. Kategori bujang yang mempunyai pendapatan di bawah RM2,500 dan berusia antara 21 tahun sehingga 59 tahun. Bagi bujang OKU, had umur adalah antara 19 tahun sehingga 59 tahun dengan pendapatan di bawah RM2,500.

Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah ini telah ditunaikan secara berfasa, iaitu empat kali setahun. Fasa pertama pada bulan Januari 2023, fasa kedua April 2023, fasa ketiga mulai daripada 26 Jun 2023 dan fasa keempat dijangka pada bulan November 2023.

Bilangan penerima yang tidak mempunyai akaun di Sabah ialah 21,523 orang. Selain Sumbangan Tunai Rahmah ini, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Perpaduan juga telah memberi Sumbangan Asas Rahmah atau dipanggil (SARA). Ini adalah untuk meringankan beban sara hidup golongan miskin tegar. Jumlah penerima SARA di negeri Sabah adalah seramai 35,461 orang dengan peruntukan kewangan sebanyak RM21,276,600. Bantuan yang bernilai RM600 ini disalurkan kepada isi rumah penerima Sumbangan Tunai Rahmah yang tersenarai sebagai miskin tegar

mengikut data E-Kasih sehingga 28 Februari 2023. Semakan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM1,169 dan tersenarai sebagai miskin tegar dalam rekod data E-Kasih. Di Sabah ataupun di seluruh negara, hampir 210,000 orang penerima bantuan miskin tegar ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Menteri. Kalau ada yang dua tiga isteri, boleh dapat bantuan juga? Soalan tambahan, Kapayan.

### **Soalan Tambahan**

**Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]:** Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Emm, kita lihat bahawa penerima STR dari Penampang dan khususnya di Kapayan ini, antara yang terendah di Sabah dan saya telah menerima beberapa aduanlah mengapa bila mereka menyemak mereka tidak mendapat rujukan pun, ada sama ada tidak dikemas kini ataupun lain-lain. Jadi, soalan saya adalah adakah inisiatif dari kerajaan kita di Sabah ini untuk melihat dan memantaulah sama ada mereka yang telah memohon tetapi tidak mendapat bantuan STR ini kerana tercicir ataupun ada masalah dari segi maklumat mereka ini. Terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih, Ahli daripada Kapayan. Mengenai dengan perkara ini, pihak Kerajaan Negeri memang sentiasa memantau tetapi pendaftaran penerima ini adalah secara terus mengikut, apa nama dia itu, apa data yang ada di dalam pendapatan mereka melalui Jabatan Kerajaan ataupun melalui Jabatan Pendaftaran dan juga agensi-agensi yang lain yang menyatakan bahawa mereka mempunyai pendapatan kurang daripada RM5,000. Jadi, mana-mana yang mungkin tercicir, boleh memohon semula dan kita akan membantu mana yang boleh untuk memastikan rakyat kita yang layak itu, yang sehingga sekarang ini tidak menerima bantuan itu boleh dibuat. Tetapi saya yakin, data ataupun apa yang digunakan oleh kerajaan ini, adalah tepat tetapi walau bagaimanapun, jika sekiranya ada lagi rakyat kita yang di bawah RM5,000 itu yang belum mendapat, boleh maklumkan kepada kita dan kita akan selaraskan dengan pihak yang berkenaan supaya mereka mendapat bantuan yang seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan daripada Usukan.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said [Usukan]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Er, saya ucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Ketua Menteri di atas jawapan yang terperinci. Saya hanya ada dua soalan tambahan. Soalan pertama ialah siapakah yang muktamadkan senarai penerima ini? Apakah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Pusat? Kedua, saya ingin tahu apakah senarai ini rahsia ataupun tidak? Kalau tidak rahsia, bolehkah senarai ini dibekalkan kepada ADUN yang berkenaan? Agar kita boleh meneliti senarai tersebut sama ada yang tercicir atau pada pandangan kita ada yang tidak layak. Saya cuma ingin tahu apakah dasar daripada aspek ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Ahli daripada Usukan. Data yang digunakan ialah daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri dan juga dasar-dasar daripada Jabatan Kebajikan dan juga daripada agensi-agensi terutama sekali yang tersenarai dalam E-Kasih di Jabatan Perdana Menteri. Inilah data ataupun senarai yang digunakan. Walau bagaimanapun, kita tidak tahu mungkin ada yang boleh tercicir, yang tidak tersenarai di dalam data itu. Tetapi mereka masih boleh memohon untuk mendapat bantuan ini. Jadi, saya ingat senarai ini tidak ada yang boleh dikatakan rahsia, boleh didedahkan untuk makluman wakil-wakil rakyat ataupun umum. Mereka boleh memberi teguran ataupun cadangan, jika sekiranya ada di kalangan rakyat kita yang layak tetapi tidak mendapat bantuan ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Tuan Speaker. (suara bertindih) Datuk Speaker? Boleh soalan tambahan?

**Tuan Speaker:** Sudah dua soalan tambahan. Okey, tidak apalah. Okey, satulah.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Er, terima kasih, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah menjawab apa ini, soalan-soalan dan menerangkan tentang pengagihan rumah-rumah yang ada, STR Rahmah di negeri Sabah dan saya setelah mendengar penjelasan dan penerangan daripada Yang Amat Berhormat, dia berdasarkan dengan kriteria...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...sama ada statistik, sama ada, apa nama, gaji yang ada. Sampai bila kita menggunakan keadaan kaedah seumpama ini tidak berlandaskan dengan cuba mengatasi masalah, mengimbangi, contohnya daerah-daerah ada lapan daerah termiskin di negeri Sabah ini, antaranya Kota Marudu, Pitas, kalau sebahagian besar pengagihan bantuan ini kita salurkan bukan tidak perlu, di Kota Kinabalu, di Sandakan, tetapi ada lagi yang jauh rakyat Sabah ini yang cukup daif, jangan cerita tentang rumah, cerita tentang kehidupan makanan sehari pun tidak. Takkan kita tidak boleh cuba mengambil satu pendekatan yang baru, *reform*. Sistem pendekatan untuk membolehkan supaya kita imbangi kemiskinan yang ada...

**Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]:** Soalan, soalan. [*Suara Bertindih*]

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...dan ini yang saya nyatakan soalan dia sama ada pendekatan ini hanya daripada dulu lagi 60 tahun, takkan kita tidak mengambil langkah untuk cuba mengatasi ketidakseimbangan kemiskinan di Sabah ini. Terima kasih.

**Ketua Menteri [Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor]:** Terima kasih Ahli daripada Senallang, seperti yang saya nyatakan tadi data-data ini di ambil daripada jabatan kerajaan agensi persekutuan. Program ini adalah program Kerajaan Perpaduan, Kerajaan Persekutuan untuk membantu rakyat, jadi saya tidak dapat maklumat secara terperinci keberkesanan sistem ini ataupun senarai yang diperoleh ini tetapi inilah yang diguna pakai di negeri Sabah seperti yang saya sebutkan tadi, kita menerima 799,782 orang daripada sistem jabatan-jabatan kerajaan yang dilihat ataupun digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam memberikan bantuan kepada penerima ini. Jadi, Saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Ahli daripada Senallang, banyak lagi di daerah kita di Sabah ini yang, yang miskin, mungkin daripada apa yang saya bacakan tadi mungkin ada yang nampak kurang, bilangan penduduk-penduduk yang menerima yang tidak menerima bantuan ini. Jadi ini, menjadi satu panduan kepada kita kerajaan negeri untuk kita semak macam mana



kedudukan ini terutama sekali di daerah-daerah yang, yang termiskin di Sabah ini.  
Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat sekarang saya jemput Yang Berhormat daripada Telupid.

**Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]:** Terima Kasih Datuk Speaker, soalan saya nombor dua. Terima kasih.

## **KELUASAN TANAH KOPERASI PEMBANGUNAN DESA (KPD) DAN MASALAH SERTA LANGKAH YANG DIAMBIL KEMENTERIAN UNTUK MENYELESAIKAN.**

\*2. **YB. Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN: -**

- a) berapakah keluasan tanah Koperasi Pembangunan Desa (KPD) untuk tanaman padi di Terusan Sapi Telupid dan berapa luas kawasan yang sudah ditanam padi; dan
- b) apakah masalah yang menyebabkan keseluruhan kawasan tanah tersebut belum ditanam dengan padi dan apakah langkah yang diambil kementerian untuk menyelesaikannya.

**Tuan Speaker:** Selebihnya Yang Berhormat Menteri.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Hendrus Anding]:** Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat N47 Telupid, dan Dewan yang mulia ini, Skim Penanaman Padi Terusan Sapi Telupid yang dimiliki oleh Koperasi Pembangunan Desa, mempunyai keluasan 1 600 hektar yang sesuai untuk tanaman padi. Setakat ini seluas 800 hektar sedang diusahakan melibatkan 208 orang pesawah. Memandangkan kemudahan pengairan dan saliran yang dibina sejak tahun 70-an sudah uzur dan kebanyakannya tidak berfungsi dengan baik. Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah sedang dalam usaha untuk menambah baik rumah pam skim pengairan terusan sapi secara berperingkat mengikut peruntukan yang tersedia.

Tuan Speaker, bagi kawasan yang belum ditanam dengan padi, ini adalah disebabkan kawasan tersebut belum mempunyai kemudahan pengairan dan saliran. Kementerian saya melalui Koperasi Pembangunan Desa telah mengemukakan cadangan berserta keperluan kewangan untuk pembangunan skim penanam padi tersebut kepada Kerajaan Persekutuan, pada masa ini, Koperasi Pembangunan Desa dalam proses perbincangan dengan sebuah agensi persekutuan untuk membangunkan kawasan yang belum ditanam dengan padi. Pihak Koperasi Pembangunan Desa sentiasa terbuka dan bersedia untuk membangunkan baki kawasan yang belum dibuka lagi bagi menyahut seruan kerajaan untuk meningkatkan jaminan makanan di Sabah. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan, Telupid.

#### **Soalan Tambahan**

**Tuan Jonnybone J. Kurum [Telupid]:** Mengenai dengan kawasan yang tidak sesuai dengan padi, apakah rancangan kerajaan seterusnya? Terima kasih

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Hendrus Anding]:** Bagi kawasan yang tidak sesuai dengan tanaman padi, pihak kementerian melalui KPD sedang berusaha dan membuat kajian untuk mengenal pasti kesesuaian tanaman-tanaman yang boleh diusahakan di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan, seterusnya, Tungku.

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ya, terima kasih Datuk Seri Speaker.

**Tuan Speaker:** Jangan lari dari soalan asal ya.

#### **Soalan Tambahan**

**Tuan Assaffal bin P. Alian [Tungku]:** Ya, mengenai padi ya, tanaman padi seperti mana yang kita ketahui mempunyai dua jenis, iaitu padi sawah dan juga padi umah ataupun padi bukit. Minggu lepas saya berkesempatan untuk berhubung dengan

PPK Lahad Datu mengenai padi huma. Apakah kerajaan mempunyai rancangan tertentu untuk membangunkan tanaman padi huma ini sebab daripada apa yang saya ketahui bahawa, harga jualan bagi padi huma jauh berbeza dengan padi biasa, iaitu 14 ringgit berbanding dengan harga biasa yang ada sekarang. Terima kasih.

**Pembantu Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan [Tuan Hendrus Anding]:** Terima kasih Yang Berhormat Tungku, memang perkara ini telah pun menjadi perhatian pihak kementerian dan setakat ini memang ada usaha kementerian untuk membangunkan tanaman padi huma berserta dengan kewujudan skim subsidi yang bersesuaian. Kita menyedari bahawa padi huma mempunyai nilai yang tertentu dan sebab itu, saya bersetuju bahawa kementerian memberikan perhatian untuk mengusahakan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Baik, Sekarang saya jemput Yang Berhormat ADUN Dilantik, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Yong Tek Lee.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 3.

#### **PERKEMBANGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN KHAS BAGI ISU BEKALAN AIR DI SABAH.**

\*3. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan peruntukan pembangunan khas bagi isu bekalan air di Sabah yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri dan adakah sudah diterima serta sejauh manakah pelaksanaannya.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri. Soalan panas ini.

#### **Jawapan**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN dilantik dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Sabah telah membentangkan taklimat isu dan cabaran pengurusan bekalan air terawat negeri Sabah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 1hb. Jun 2023 di Putrajaya. Kerajaan

Negeri Sabah telah membentangkan 20 projek cadangan penyelesaian jangka pendek terpilih dengan anggaran jumlah keseluruhan kos 300.25 juta ringgit susulan daripada itu mesyuarat jawatankuasa teknikal pasukan petugas khas isu bekalan air di Sabah bilangan 1/2023 telah diadakan pada 13 Jun 2023 telah memperakukan 8 projek dengan jumlah kos sebanyak 185 juta ringgit daripada 20 projek yang telah dimohon. Baki 12 projek tidak diperakukan oleh jawatan kuasa teknikal kerana ianya melibatkan operasi dan penyenggaraan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dibawah garis panduan penyediaan RMK-12 2021-2025. Namun begitu, jawatankuasa teknikal mengambil maklum hasrat Kerajaan Negeri Sabah untuk memohon pertimbangan pasukan petugas khas untuk meluluskan kesemua 20 projek jangka pendek kerana kesemua projek tersebut adalah saling berkait dan akan menyelesaikan isu air dalam jangka masa pendek Sabah secara menyeluruh. Seterusnya, pada 21 Jun 2023, satu mesyuarat pasukan petugas khas isu bekalan air Kelantan dan Sabah bilangan 1 2023 telah diadakan di Kementerian Ekonomi Persekutuan bagi membincangkan hala tuju dan kaedah pembiayaan dan pelaksanaan projek-projek yang telah disyorkan oleh Kerajaan Negeri Sabah...

**8/8/2023 - RAKAMAN 5 [10.40 PAGI - 10.50 PAGI] - [EVY] - MOHELENA - FAZLY**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Perkembangan pada masa ini, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan belum lagi disalurkan. Oleh itu Mesyuarat Jemaah Menteri Negeri pada 26 Julai 2023 telah bersetuju supaya peruntukan kewangan dari Kerajaan Negeri digunakan terlebih dahulu bagi pelaksanaan keutamaan pembangunan khas ini. Di samping itu juga, pihak Jabatan Air Negeri Sabah telah memulakan kertas kerja penyediaan prapelaksanaan projek sebagai persediaan untuk melaksanakan projek sejurus kelulusan peruntukan disalurkan.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Adun Dilantik.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Kita ambil maklum bahawa peruntukan yang diumumkan sebanyak RM320 juta itu belum disalurkan kepada Kerajaan Negeri. Ini yang jawapan yang pertama. Kedua,

pelaksanaan yang dalam pertanyaan asal itu, iaitu nampaknya masih di peringkat jawatankuasa teknikal. Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan bahawa sebenarnya soal teknikal ini sudah lama kita sudah tahu. Pasal ini masalah air ini bukan masalah baru, masalah lama dan bilakah YB Menteri ini mengesyorkan supaya pelaksanaan boleh dibuat secepat mungkin? Walau macam mana pun Tuan Speaker, saya setuju dengan err, pendirian dari Kerajaan Negeri supaya kita menggunakan peruntukan sendiri dulu, pasal ini keperluan air ini memang keperluan asas.

**Tuan Speaker:** Soalannya, soalannya YB.

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Mmm?

**Tuan Speaker:** Soalannya apa?

**Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]:** Soalannya, saya minta YB maklumkan pelaksanaannya bila? Pasal itu dalam pertanyaan asal ini belum dijawab pelaksanaannya kerana diumumkan peruntukan belum sampai pasal teknikal. Jadi kalau soal teknikal ini sebenarnya bukan tidak patut timbul pasal ini masalah lama bukan masalah baru masih bincang lagi, bincang sini sana, lama-lama habis bajet tahun depan kita kena tanya juga maca mana RM320 juta yang diumumkan tidak lain tidak bukan Menteri Kewangan Malaysia. Jadi bolehkah YB Menteri mengesyorkan supaya pelaksanaannya secepat mungkin? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya, Yang Berhormat Adun Dilantik, sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan belum lagi dibuat. Namun demikian, Kabinet Negeri Sabah telah bersetuju untuk memastikan Jabatan Air dapat memulakan program-program yang telah dirancang. Jadi ini bukan isu teknikal hanya isu pemerolehan kewangan dan selepas mendapat keputusan daripada Kabinet Negeri Sabah tadi, Jabatan Air bersedia untuk melaksanakan lapan inisiatif yang telah dipersetujui dengan jawatankuasa teknikal di peringkat Persekutuan. Ingin saya menarik perhatian juga walaupun ah, peruntukan ini menjadi isu buat seketika, tetapi sebenarnya Jabatan Air Negeri Sabah telah memulakan ataupun membentuk satu jawatankuasa khas untuk program pemulihan

dan penstabilan tekanan air, khususnya di *area* Kota Kinabalu yang meliputi Tuaran, KK dan juga Putatan dan daripada kerja-kerja yang telah dilakukan pemulihan pada bulan Jun 2023 sehingga kini, kita dapat melihat adanya peningkatan terhadap kestabilan tekanan air di kawasan-kawasan Kota Kinabalu dan ia telah menjadikan agihan bekalan air agak terkawal berbanding bulan-bulan yang sebelumnya. Jadi dengan ada kelulusan daripada Kabinet Negeri Sabah, kita akan memulakan kerja-kerja panggilan tender dan sebagainya untuk lapan aktiviti yang telah dikenal pasti itu dan kita berharap hasilnya nanti agihan bekalan air itu di kawasan Kota Kinabalu dan beberapa tempat lain akan menjadi stabil.

**Tuan Speaker:** Okey. Seterusnya daripada Moyog...mic, mic, ahh.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Terima kasih Datuk Speaker, *kotohuadan and good morning*. Saya ingin tanya menteri, *the people need water*, rakyat mahu air, *you know that*. Kenapakah dengan skandal yang telah dibongkar Jabatan Air, masalah air kita tidak dapat diselesaikan hingga ke hari ini? Dan adakah duit yang telah dicuri daripada Sabah itu telah dikembalikan kepada Sabah? Kedua, soalan yang paling penting, *good work that you are doing but, the RM320 million*, RM320 juta, adakah ini *one off* daripada Kerajaan Persekutuan ataupun adakah wang ini akan jadi *loan* pembiayaan kepada Sabah sekali lagi dan meningkatkan hutang Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Duit yang *allegedly* kena curi itu masih lagi bahan bukti mahkamah ya. Tidak boleh diambil.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Datuk Speaker, ada yang telah membayar dia punya *fine* dan apa terjadi dengan duit itu yang telah disita daripada dia? Adakah duit itu dikembali kepada LHDN ataupun adakah dia telah diambil oleh kerajaan ataupun dikembalikan kepada orang yang telah membayar saman itu, *anti-money laundering*. Datuk Speaker, *the more concern is* ada beberapa *engineer* juga telah ditangkap dengan duit. *What has happen to all this engineer?* Terima kasih.

**Tuan Speaker:** *So you asking about the money refunded lah not the ...*

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *I am asking about the loan, I mean 320 million* sama ada dia akan menjadi loan kepada Sabah sekali lagi untuk meningkat hutang Sabah kepada Kerajaan Persekutuan ataupun ini adalah *one off grant* kepada Sabah.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya. Soalan pasal duit itu saya rasa sudah dijawab dahulu dan tidak perlu untuk saya jawab. Saya jawab soalan kedua berkenaan dengan RM300 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Dalam mesyuarat pertama, Yang Amat Berhormat, Perdana Menteri membayangkan, ianya sebagai satu pinjaman mudah, *at a very minimal cost* dan mungkin *zero interest* ya, dan 300 juta tersebut adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti ataupun inisiatif-inisiatif jangka pendek untuk segera menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Kita sebenarnya juga membentangkan pada 1 Jun yang lalu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang pelan jangka panjang di mana kita memerlukan penggantian paip-paip usang, pembinaan loji dan juga pembinaan empangan-empangan. Namun kos yang terlibat adalah ah mencakupi melebihi RM10 bilion ya. Lebih daripada RM10 bilion dan ini merupakan satu jumlah kewangan yang agak besar dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil maklum dan menyarankan bahawa satu jawatankuasa perlu dibentuk untuk melihat bagaimana untuk membiayai ataupun melaksanakan cadangan-cadangan tersebut.

**Tuan Speaker:** Okey, sekarang saya jemput Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker...

**Tuan Speaker:** Nabawan... Tanjung Aru tadi yang ada bangun. Tanjung Aru lah saya bagi, soalan satu tambahan lagi.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Terima kasih Datuk Speaker. Ya, saya ingin mahu tanya bah Menteri, adakah kerajaan sudah bayar air daripada *private* (tidak jelas), *because* arr, itu hari pun menteri ada keluarkan kenyataan bahawa

sekarang ada berapa syarikat *water tanker* yang swasta, jual air melebihi 9 kali atau 10 kali gandalah air kepada *residents* dan juga *industrial player* Suria Sabah, banyak oranglah, hospital dan sebagainya lah. Adakah Kerajaan Sabah setakat ini peruntukan bajet untuk bayar ini duit kepada *residents* atau *industrial player* sudah bayar ini duit kepada *water tanker*. *Because that shouldn't happen* bahkan Datuk Speaker? Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Belum ada.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Tiada?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Belum ada.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** *So, residents and* semua yang telah sudah dibayar, telah bayar itu duit kena tanggung sendirilah?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kena tanggung sendirilah. Apa yang kita lakukan sebenarnya ialah lanjutan daripada kejadian tersebut adalah menghentikan khidmat lori-lori air swasta yang beroperasi dan mengenakan *charge* yang berlebihan. Apa yang kita lakukan adalah sekiranya, terutama bangunan-bangunan ataupun premis kerajaan yang mengalami keputusan air...

**8/8/2023 - RAKAMAN 6 - [10:50 PAGI - 11:00 PAGI] - [CHARITY] - DARRYL - NADA HAIFA**

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** ...Jabatan Air akan menghantar lori air daripada Jabatan Air dan kita mengakui bahawa lori air daripada Jabatan Air tidak mencukupi dan Jabatan Air akan memperoleh khidmat daripada syarikat swasta untuk menghantar air kepada pihak yang meminta tetapi *charge* itu akan dikenakan oleh Jabatan Air, bukan beli, bukan beli dengan dengan *charge* yang tinggi.



**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Ah... Menteri untuk penjelasan itu adalah *transport* sajalah? Yang sekarang *as residence*kah atau siapa yang belilah air daripada *private tankers are only paying the logistics transportation fee* lah, tidak itu airlah kan?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Itu sekiranya dipersetujui oleh Jabatan Air. Apa yang kita lakukan sekarang, kita telah menggantikan khidmat lori-lori swasta yang membeli air dan menjual semula ke.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Okey.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Kawasan-kawasan yang mereka jadi pelanggan mereka kerana kita percaya dengan usaha pemulihan dan penstabilan tekanan air yang sedang kita lakukan, perkara ini sepatutnya tidak lagi terjadi.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** *So to be on record*, Datuk Speaker, *nobody is selling water right now* lah in KK?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Sepatutnya. Ya.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Sepatutlah?

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Ya.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Atau boleh kasi *control* lah kan? Boleh kasih *confirm* lah. *Nobody is selling water right now in KK as in today*.

**Timbalan Ketua Menteri III / Menteri Kerja Raya [Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya]:** Untuk rekod sejak dua minggu lepas, kita telah menghentikan semua lori-lori air swasta untuk menjual air.

**Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]:** Terima kasih, Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** *Only* Jabatan Air jual air mah. Supermarket dia jual air ja tapi *mineral water*. Okey, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Nabawan.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Datuk Speaker, soalan saya nombor empat.

#### **STATUS DAN USAHA UNTUK MEMBINA BANGUNAN MAHKAMAH ANAK NEGERI DI DAERAH NABAWAN.**

\*4. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status dan usaha pihak kementerian untuk membina bangunan Mahkamah Anak Negeri di daerah Nabawan selaras dengan pelan pembangunan hala tuju Sabah Maju Jaya 2020-2025.

**Tuan Speaker:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Nabawan dan Dewan yang Mulia ini, cadangan pembinaan Mahkamah Anak Negeri Nabawan sedang dalam peringkat akhir penyediaan tinggalan kos. Kerja-kerja seperti *soil investigation* ataupun *SI* tambahan dan reka bentuk telah siap dibuat. Pelan pembangunan telah dihantar kepada jurutera daerah pada 14 Julai 2023 untuk proses permohonan kelulusan pembangunan. Pembinaan dijangka akan bermula pada tahun hadapan dan dijadualkan siap sebelum penghujung 2025. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan?

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Cuma saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian ada mencadangkan untuk membina bangunan Mahkamah Anak Negeri di Daerah Kecil Pagalungan Nabawan? Terima kasih.

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]:** Terima kasih soalan tambahan, Yang Berhormat Nabawan. Sebenarnya Kementerian kita sudah pun mencadangkan untuk pembinaan Mahkamah Anak Negeri di Pagalungan dan Insya-Allah pada minggu hadapan 16 hari bulan lapan ini akan... Unit Pembangunan daripada Mahkamah Anak Negeri bersama dengan pihak teknikal daripada JKR akan masuk untuk melihat tapak Nabawan dan Insya-Allah Pensiangan untuk Parlimen Pensiangan, tiga mahkamah akan dapat; Sook, Pagalungan dan juga Nabawan. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** Okey, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sri Tanjong.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya, soalan nombor lima.

#### **JUMLAH KUTIPAN CUKAI JUALAN HARGA MINYAK SAWIT MENTAH DAN PERUNTUKAN MEMBAIKI JALAN DI KAWASAN LADANG KELAPA SAWIT.**

\*5. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah kutipan kerajaan daripada cukai jualan sebanyak 7.5% ke atas harga Minyak Sawit Mentah sejak tahun 2018 dan berapa banyak yang telah diperuntukkan untuk membaiki jalan di kawasan ladang kelapa sawit (estate).

#### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Kewangan [Datuk Julita Mojungki]:** Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sri Tanjong dan Dewan yang mulia ini, jumlah kutipan Cukai Jualan Negeri ke atas minyak sawit mentah bermula tahun 2018 sehingga kini adalah seperti berikut:

Tahun 2018, RM845.36 juta.

Tahun 2019, RM789.58 juta.

Tahun 2020, RM919.15 juta.

Tahun 2021, RM1.35 bilion.

Tahun 2022, RM1.56 bilion.

Tahun 2023, setakat Julai tahun ini RM739.53 juta.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan pungutan cukai ini sejak tahun 2018 adalah sebanyak RM6.22 bilion. Sememangnya Cukai Jualan Negeri ke atas minyak sawit mentah merupakan antara sumber hasil utama kepada kewangan negeri di mana pada tahun 2022, cukai ini telah menyumbang 22% ke atas keseluruhan hasil negeri.

Walaupun bagaimanapun, prestasi pungutan cukai ini amat bergantung kepada perubahan persekitaran ekonomi dan pasaran global. Penentuan harga dan pengeluaran minyak sawit mentah juga adalah di luar kawalan Kerajaan Negeri. Oleh itu, dapat dilihat perubahan ke atas prestasi pungutan cukai ini setiap tahun.

Tuan Speaker, berhubung pertanyaan mengenai peruntukan bagi membaiki jalan di kawasan ladang kelapa sawit atau estet, terdapat dua jenis jalan yang diselenggara oleh Kerajaan Negeri dan berdaftar dalam sistem MARRIS di bawah Jabatan Kerja Raya bagi jalan tersebut, iaitu jalan berturap dan jalan, jalan berturap dan jalan tidak berturap.

Bagi tempoh 2018 sehingga 2023, sebanyak RM5.95 juta dengan melibatkan jumlah jalan sepanjang 105.66km telah dibelanjakan bagi menyelenggara jalan berturap dengan RM87.74 juta dengan melibatkan jumlah jalan sepanjang 518 dan 45km bagi jalan tidak berturap.

Secara keseluruhannya, jalan-jalan tersebut melibatkan daerah Beaufort, Keningau, Kinabatangan, Kudat, Kunak, Lahad Datu, Semporna, Sandakan, Tawau dan Telupid. Ingin dijelaskan juga bahawa terdapat jalan di kawasan ladang kelapa sawit yang dibina sendiri oleh pemilik estet berkenaan. Oleh itu, adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah untuk menyelenggara jalan berkenaan bagi memberikan keselesaan serta menjamin keselamatan semua pengguna yang mana kos penyelenggaraan ditanggung oleh pemilik estet sendiri.

Tuan Speaker, sebagai salah satu penyumbang utama kepada hasil negeri, hasil kutipan Cukai Jualan Negeri ke atas minyak sawit mentah juga melimpah kepada pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial untuk kesejahteraan rakyat di negeri ini secara keseluruhan.

Di kesempatan ini, bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua syarikat pengilang minyak sawit mentah yang telah mematuhi dan membayar cukai yang wajib kepada Kerajaan Negeri. Sekian.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan. Ada?

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh YB Pembantu Menteri. Setelah mendengar jawapan yang diberikan oleh Pembantu Menteri, saya buat sedikit *calculation*. Adalah ah... kurang daripada 10% daripada *total* peruntukan ataupun kutipan cukai untuk menurap jalan-jalan dalam estet. Jadi sampai bilalah masa Kerajaan Sabah faham ataupun sedar bahawa industri kelapa sawit ini cukup penting untuk bukan sahaja pembangunan di Sabah tetapi juga penubuhan ekonomi di Sabah? Tapi masalah yang setiap hari mereka menghadapi adalah kerosakan jalan.

Di mana mereka terpaksa untuk menanggung kos yang lebih tinggi untuk servis mereka punya lori, mahu tambah penambahan koslah untuk syarikat-syarikat tertentu. Tapi adakah Kerajaan bersedia untuk menggunakan kutipan cukai ini untuk membantu balik mereka daripada bukan sahaja Prasarana tetapi juga yang pekerja-pekerja? Sedangkan kita di sini di Sabah, selalu mengalami masalah kekurangan pekerja untuk berkerja di estet. Jadi saya di sini ingin mencadang kepada kerajaan supaya menggunakan cukai ini untuk membantu balik mereka supaya industri ini dapat bertumbuh dan ekonomi Sabah akan bertambah baik. Kalau English saying "*Don't kill the...*

**8/8/2023 - RAKAMAN 7 [11:00AM – 11:10AM] - [ROHANI] - TERESA - MASLIJAN**

*... a golden goose that lays the golden egg*, sekian terima kasih.

**Tuan Speaker :** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih atas soalan tambahan. Secara keseluruhannya jalan dalam estet adalah jalan persendirian. *I said back to basic*. Erti dia, *your land is* kau (awak) punya tanggungjawab, bukan Kerajaan. Walau bagaimanapun, ada tempat-tempat tertentu

di mana jalan masuk ke kampung tu melepasi atau lalu di dalam kawasan apa ini estet. Itu yang kita katakan tadi kita bantu tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Sri Tanjung, *basically* semua income daripada cukai jualan kelapa sawit itu masuk dalam *consolidated fund* bukan bermakna apa ini hasil daripada cukai jualan kelapa sawit mesti dibelanjakan untuk tujuan kelapa sawit. Kalau begitulah apa itu ekonomi kita, saya ingat ia bukanlah satu orang apa ini kata perancangan ekonomi yang baiklah hasil *all the revenue goes into the consolidated fund*.

Kedua, saya tidak tahulah dan Yang Berhormat daripada Sri Tanjung *please tell me* kalau adalah supaya kita boleh belajar daripada negeri sama ada ada negeri dalam Malaysia ini yang menggunakan hasil jualan ini untuk dibelanjakan semula dalam meningkatkan infrastruktur dalam estet. Kita, *I am very eager to learn* ya tetapi kita ambil maklumlah apa itu cadangan daripada Yang Berhormat. Insya-Allah, mudah-mudahan satu hari nanti kutipan hasil untuk negeri Sabah ini akan lebih baik supaya kita dapat orang kata memberikan khidmat yang lebih baik kepada semua rakyat termasuk mereka yang menanam kelapa sawit. Terima kasih

**Tuan Speaker:** Elopura?

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Terima kasih.

**Tuan Speaker:** No air masin ah.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Tadi mahu tanya.

**Tuan Speaker:** Pasal kelapa sawit no air masin.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Ya tadi mahu tanya tetapi tidak cukup ruang.

**Tuan Speaker:** Sawit masin.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Saya faham tetapi tadi menteri jawab, saya faham bukan semua *revenue* masuk balik pergi bidang itu. *Ngam* betul yang penting yang tolong kelapa sawit *at least* kita yang suarakan untuk masalah ini, lebih

20 tahun kita tidak cukup pekerja, jalan raya yang rosak, subsidi baja untuk yang lima, sepuluh atau lima belas ekar punya penduduk yang *small holder*, tetapi sampai hari ini bila kamu tidak ada tindakan yang *small holder* itu. Saya bukan mahu minta Kerajaan seratus peratus bidang industri ini, tetapi masalahnya yang penting *at least* cukup pekerja, *at least* jalan raya yang bagus, *at least* bibitkah atau pokok muda punyakah, yang bajakah untuk yang bidang ini. *At least*lah tetapi begitu enam billion ini ada berapa untuk orang kampung, orang pekebun kecil. Terima kasih

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih atas soalan pekerja itu. Soal cukup atau tidak pekerja di luar kawalan mana-mana Kerajaan. Kadang-kadang pekerja itu datang daripada luar. So, saya harap Yang Berhormat faham bahawa bukan tugas Kerajaan untuk memastikan setiap pekerja itu cukup. Itu adalah *arrangement* yang dibuat oleh agensi-agensi yang lain.

Tapi kedua juga kita ambil maklum ini Yang Berhormat, masalah kurang pekerja di Sabah ini bukan sahaja di estet kelapa sawit bukan sahaja dialami di Sabah. Di Semenanjung pun begitu. Apa yang berlaku ialah antara lainlah, ekonomi Indonesia semakin maju, estet mereka juga besar. Misal kata di Kalimantan, banyak estet besar itu dimiliki oleh orang-orang atau syarikat Malaysia sendiri. Pekerja daripada sini balik ke Kalimantan kerana jumlah ataupun gajinya tidak banyak berbeza daripada gaji di Sabah dan juga gaji di Kalimantan. Inilah salah satu daripada dilema yang kita hadapi.

Kedua, kalau sekadar estet ataupun *small estate, I mean small holders* ini kita fahamlah dan saya tidak tahu kerana saya bukan Menteri Pertanian tetapi saya fikir seberapa yang boleh kalau di kampung tu secara keseluruhannya jalan itu kebiasaannya masuk dalam kawasan kampung itu dibina oleh Kerajaan atau dibantu oleh Kerajaan.

**Tuan Speaker:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Silam.

**Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]:** Terima kasih Datuk Speaker. Soalan saya soalan nombor enam.

## **KURSUS KEUSAHAWANAN YANG DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SABAH DAN DI KAWASAN PARLIMEN LAHAD DATU.**

\*6. **YB. Tuan Haji. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapa banyakkah kursus keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah di seluruh Sabah dan khususnya di kawasan Parlimen Lahad Datu.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

### **Jawapan**

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Samad bin Jambri @Jamri]:** Bismillahirrahmanirrahim. Datuk Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari N62 Silam dan Dewan yang mulia ini, Program Keusahawanan Desa merupakan program yang menyediakan aktiviti-aktiviti kursus kemahiran kepada golongan sasaran yang berminat dalam bidang keusahawanan. Program ini bertujuan untuk membantu golongan sasaran dalam meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi khususnya peningkatan pendapatan di kalangan komuniti luar bandar. Kementerian dengan kerjasama pejabat-pejabat daerah telah melaksanakan pelbagai kursus kemahiran secara khusus berdasarkan sumber utama dan mengenalpasti kursus-kursus yang bersesuaian untuk dikembangkan di sesebuah daerah tersebut.

Merujuk kepada data tahun 2016 sehingga kini pihak kementerian telah melaksanakan tujuh puluh enam kursus kemahiran di seluruh negeri Sabah. Berdasarkan rekod kementerian telah melaksanakan empat kursus kemahiran di kawasan Parlimen Lahad Datu, iaitu satu kursus di daerah kecil Tungku dan tiga kursus diadakan di daerah Lahad Datu pada tahun 2021 dan tahun 2022.

Sekian terima kasih.

**Tuan Speaker:** Soalan Tambahan?

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]:** Terima kasih. Soalan saya, di peringkat Persekutuan berbagai-bagai inisiatif diberikan pada kumpulan B40, B60 serta



kumpulan usahawan-usahawan kecil. Saya ingin tahu sejauh manakah Kerajaan Negeri menyelaraskan program ini dengan Kerajaan Persekutuan dan kedua, berapa jumlah rakyat di negeri Sabah yang terlibat menerima inisiatif-inisiatif ini. Terima kasih Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Samad bin Jambri @Jamri]:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Silam. Sememangnya pihak kementerian selain daripada menganjurkan kursus-kursus daripada pihak kementerian, yang diuruskan oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita juga akan sentiasa boleh mengadakan kerjasama dengan pihak-pihak ataupun agensi lain seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, pihak agensi daripada Persekutuan. Namun demikian, ianya harus diselaraskan kita faham bahawa kursus bukan sahaja di pihak Kementerian Luar Bandar ini mengadakan kursus kemahiran. Ada juga agensi-agensi lain ataupun kementerian-kementerian lain yang melaksanakan. Oleh itu, Yang Berhormat kita akan sentiasa bekerjasama dan juga perkara ini akan dibincangkan di Pejabat Daerah bagi menyelaraskan program kursus agar ianya dapat diselaraskan dan mereka yang disasarkan dapat kita betul-betul sentuh dengan data seperti yang dimaklumkan oleh keberjayaan kursus sasaran. Buat masa ini pihak kementerian ataupun pada ketika ini saya tidak mempunyai data khusus namun demikian kita akan perincikan kepada Yang Berhormat Silam secara bertulis untuk jawapan bertulis pada data-data khusus kepada kursus yang dimaklumkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Speaker:** Pasti sampai ah jawapan bertulis tu. Soalan tambahan seterusnya. Banggi.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** Terima kasih Datuk Speaker. Saya ingin mengemukakan satu persoalan seterusnya kepada Kementerian Luar Bandar sama ada perancangan untuk kursus keusahawanan ini kepada kursus...

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** ...nya masyarakat di lapang daerah-daerah termiskin itu terutamanya di sebelah utara termasuklah di kawasan saya sendiri DUN Banggi, terima kasih.

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Samad bin Jambri @Jamri]:** Ah terima kasih atas soalan tambahan ah daripada Yang Berhormat Banggi. Ya, sememangnya pihak kementerian akan menyasarkan kepada ah daerah-daerah yang dikategorikan sebagai daerah miskin memang ini lah tujuan dan juga matlamat kementerian seperti yang saya maklumkan tadi bahawa kursus ini adalah bertujuan untuk mendekatkan pendapatan dan ekonomi bagi golongan sasaran khususnya bagi mereka yang tergolong di bawah ah golongan B40 dan juga dibawah kategori miskin dan miskin tegar jadi ertinya memang program ini disasarkan kepada kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai daerah termiskin di Sabah. Terima kasih.

**Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]:** Ah Datuk Menteri, kalau boleh saya dapatkan secara bertulis, senarai program sama ada yang telah ataupun bakal dilaksanakan khasnya untuk DUN Banggi dan mungkin DUN Pitas sendiri, Bengkoka dan juga Tanjung Kapor. Terima kasih.

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Samad bin Jambri @Jamri]:** Ya terima kasih Yang Berhormat ah Banggi ah Tuan Speaker, ah pihak kementerian akan memberikan secara terperinci, secara bertulis kepada ah Yang Berhormat DUN Banggi. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Baik Darau. Balik-balik *you* bangun tadi itu. Darau bandar bah.

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]:** Terima kasih Datuk Seri.

Ah saya ingin bertanya, ah saya difahamkan, kita telah difahamkan tadi bahawa terdapat 76 kursus kemahiran yang ah kita sediakan. Mungkin saya pernah

bertanyakan dulu berkenaan hal ini. Dimana adakah ah pengetahuan selain daripada ah kursus-kursus keusahawanan kemahiran ini adakah diadakan ah 1 *module* ataupun kandungan semasa kursus tersebut yang berkenaan, berkaitan dengan pengetahuan ah pemasaran, ah mungkin kewangan dan perakaunan kepada bakal-bakal usahawan ini kerana jika kita sediakan sahaja pengetahuan mengenai kemahiran tanpa pengetahuan ah berkenaan ah pemasaran, kewangan dan perakaunan mungkin ah mereka ini tidak kemana dan ah mungkin kita hanya melepaskan, seperti melepaskan ah batuk di tangga. Sekian itu sahaja soalan saya.

**Tuan Speaker:** Okay.

**Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Samad bin Jambri @Jamri]:** Ya terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat DUN Darau.

Sememangnya kursus yang diolah oleh pihak kementerian ini selain daripada kursus kemahiran sememangnya kita akan ah apa nama mengambil kira tentang ah penambahbaikan *module* seperti yang dimaklumkan oleh ah Yang Berhormat ADUN Darau tadi. Jadi ah pada peringkat ini masih lagi ianya hanya ah kursus untuk kemahiran dan modul ini seolah akan ditambah baik di masa akan datang seperti yang dimaklumkan sememangnya ialah selain daripada ah kursus kemahiran ah pihak yang menerima kursus ini juga harus direlakan kepada ah perakaunan dan sebagainya bagi meningkatkan kemahiran mereka ke tahap yang lebih tinggi jadi seolah pihak kementerian akan melihat untuk menambah baik *module-module* yang dilaksanakan kepada ah di daerah-daerah. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Elopura.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Tuan Speaker. Ah soalan saya no. 7. Terima kasih.

## **KEMENTERIAN TIDAK MELANTIK SATU SYARIKAT GLC BAGI MENGETUAI PENGURUSAN INDUSTRI KELAPA SAWIT.**

\*7. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, kenapa pihak

kementerian tidak melantik satu Syarikat GLC untuk sementara waktu sebelum penubuhan Sabah Palm Oil Board (SPOB) bagi mengetuai pengurusan industri kelapa sawit di Sabah.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

### **Jawapan**

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Tuan Phoong Jin Zhe]:** Terima kasih Tuan Speaker.

Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Elopura dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Sememangnya Kerajaan Negeri melihat keperluan dan berhasrat untuk wujudkan satu badan seperti Sabah *Palm Oil Board* untuk mengawal selia Industri Kelapa Sawit yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan di Sabah. Terutamanya, dalam Industri Hiliran. Walau bagaimanapun, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum bahawa kuasa-kuasa selia berkaitan industri kelapa sawit di Malaysia adalah di bawah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui Akta Lembaga Sawit Malaysia 1998 yang merangkumi hulu dan hiliran industri kelapa sawit, menyedari akan hal ini kementerian saya telah mengambil langkah proaktif untuk mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof bagi membincangkan berkenaan hal ini mengenai pembangunan industri hiliran ataupun *Down Streaming* Minyak Kelapa Sawit di Sabah pada ah 16 of May.

Sehubungan itu, kementerian saya akan terus mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memastikan industri hiliran ini terus berkembang di Sabah.

Tuan Speaker, namun begitu Industri *Biomass* yang kerap kali dibincangkan di dalam sidang Dewan Yang Mulia ini juga mempunyai potensi yang besar. Terutamanya, menghasilkan produk bernilai bertambah tinggi. Berdasarkan penelitian kementerian saya *Biomass* kelapa sawit tidak tertakluk dibawah kawal

selia mana-mana pihak Kerajaan Negeri atau Persekutuan. Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri baru-baru ini, kementerian saya sedang giat merangka dasar *Biomass* Sabah melalui penwujudan dasar ini Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan sebuah pusat pengumpulan *Biomass* dan melantik sebuah syarikat berkaitan kerajaan GLC untuk mengurus dan menumpu *Biomass* ini. Menerusi pewujudan pusat pengumpulan ini ianya sudah pasti dapat mewujudkan pembekalan sumber bahan mentah *Biomass Feed stock* yang konsisten dan berterusan, ini sudah pasti akan menarik minat pelabur untuk melabur dalam industri ini di Sabah.

Lanjutan daripada pewujudan dasar tersebut Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan satu enakmen berkaitan *Biomass* agar kuasa kawal selia berkaitan industri ini adalah terletak dibawah Kerajaan Sabah. Diharapkan agar usaha-usaha ini dapat kita berjaya untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam industri ini *especially down streaming*, sekali gus mempercepatkan pertumbuhan sektor pembuatan ataupun perindustrian di Sabah.

Sekian terima kasih Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan ?

### **Soalan Tambahan**

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Ya, terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Menteri ah jawapan yang cukup jelas ah sesi pertama.

Ah saya soalan yang ah mahu tanya, *Biomass* ini apa yang nampak di Sandakan, menteri ada datang dan terima kasih menteri ada membangunkan sektor ini. Jadi saya harap kedua-dua yang melaksana ini *Biomass* untuk membangunkan ah *power plant* untuk is lah jangan nanti belakang ada arang batu *power plant* di belakang kerajaan sekarang ini kerana saya nampak saya tengah ada kerajaan mahu *sign contract* dengan arang batu tapi sekarang menteri ada jawab *Biomass* akan membangunkan ataupun tumpukan ini industri untuk *down stream product* untuk yang Sabah ini. Yang kedua Sabah *Palm Oil Board* adalah satu yang jejantas adalah satu yang koordinator antara dengan kebun kecil ataupun besar

**Tuan Speaker:** Soalannya Yang Berhormat, soalnya ?

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Yes, ah yang kebun kecil dengan adalah yang kebun dengan ah menteri. Jadi jangan tunggu sampai MA 63 yang laksana, mungkin MA 63 yang laksana 10 tahun ataupun 20 tahun, sekarang kita kerajaan perpaduan ah saya harap suarakan dengan ini GLC terus laksana yang Ketua Menteri pun boleh ah terus minta dengan kerajaan yang pusat, kita terus laksana di Sabah. Bilakan Sabah *Power Board* ada di Sabah ini, bila Sabah *Power Board* boleh tolong ah kebun di Sabah yang minta kurangkan ini subsidi jaminan untuk pekerja walaupun Kementerian Kewangan ada jempit, ada suara kita tiada tidak semestinya mahu tolong ini kebun tapi Perindustrian Menteri ada cakap mahu ah tolong *down stream* ini yang satu cara mungkin menteri boleh jawab.

**Tuan Speaker:** *You*. Yang Berhormat, *you* menggulung sudah ini bukan *you* soalan tambahan.

**Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]:** Ya bila boleh jamin kasih kurang untuk ah kebun kecil ataupun kebun-kebun yang sekarang kurang pekerjaan ini. Terima kasih.

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Tuan Phoong Jin Zhe]:** Terima kasih Yang Berhormat Elopura.

Ah memang, Tuan Speaker memang adalah...

**8/8/2023 - RAKAMAN 9 [11:20 PAGI - 11:30 PAGI] - [NELLY] - NADIA - NADA HAIFA**

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Tuan Phoong Jin Zhe]:** ...aspirasi mana-mana kerajaan, beberapa pemerintahan, dalam dokumen saya sudah baca. Dalam berita kita sudah baca memang itu adalah aspirasi kita semua dalam Kerajaan untuk wujudkan satu badan untuk mengawal selia industri ini ataupun kelapa industri kelapa sawit dan juga *especially* dalam hal *biomass* pun kita seperti kita seperti saya maklumkan tadi, kita sedang merangka satu dasar untuk bagaimana kita mengawal selia. Kerana buat masa ini mereka ini B2B. Kebanyakan

ini *by product biomass* sekarang dieksportkan kepada negara seperti Jepun, seperti South Korea dan sebagainya.

So, kita nak nak sedang meneliti dan kita sedang merangka dan dan kita saya telah mengadakan beberapa sesi mesyuarat bersama dengan POIC untuk kita melihat secara menyeluruh bagaimana kita merangka dasar ini dan untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Elopura berkenaan bila kita boleh wujudkan satu badan seperti Palm Oil Boards, saya rasa saya akan rujuk kepada saya akan bawa kepada mesyuarat kabinet untuk kita membincang bagaimana kita membuat hal ini. Memang adalah aspirasi kita memang kita mahu buat ini dan kerana kita lihat industri ini memainkan peranan yang besar dalam pertumbuhan ekonomi kita. Sekian, terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Speaker:** Ya, soalan tambahan dari Sindumin.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Ya terima kasih...

**Tuan Speaker:** Jangan lari dari soalan asal ya.

### **Soalan Tambahan**

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Ya, Datuk Speaker. Ini pasal Palm Oil Board. Di Malaysia, kita sudah ada Malaysian Palm Oil Board (MPOB) dan saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apakah bentuk penyelarasan dengan MPOB dengan SPOB yang akan ditubuhkan ini? Saya, itu yang pertamalah, dan yang kedua *by product* ataupun hasil daripada kelapa sawit ini kalau ada yang peneraju sama ada GLC ataupun badan, berbagai-bagai produk yang lain seperti tangkai kosong. Namun dia dihasilkan oleh beberapa syarikat GLC, syarikat kerajaan negeri, persekutuan, dan juga *small holders* yang berterabur. Bila ada industri lain yang ingin mengambil ataupun menawarkan secara percuma, mereka tarik harga. Mereka kata barulah ada kegunaan. Kalau tidak diletak begitu sahaja. Jadi saya minta penjelasan apakah bentuk penyelarasan nanti dengan *small holders*, dengan GLC supaya bahan ini cukup padu ataupun *volume* nya dan untuk mempelawa industri-industri seperti *biomass power generation* ataupun hasil daripada produk itu seperti contohnya kontena makanan yang mendapat pasaran yang baik di Eropah. Terima kasih.

**Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan [Tuan Phoong Jin Zhe]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sindumin. Memang kita sedar bahawa selama ini kita tidak dapat mengawal selia *fit stock* sumber dia untuk kita terus memperkembangkan ataupun membangunkan *downstream* dia. So, dengan mengawal selia ini kuasa berkenaan kelapa sawit ya, adalah penting. Itulah kenapa kita sekerap kali kita membincangkan perkara ini. Apakah penyelarasan? Saya telah membawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengurus bidang kuasa ini. Kita ada perbincangan dan kita harap kita dapat buat Kerajaan Negeri kita dapat membawa satu dasar yang mana tidak ada apa ini *condractic* dalam akta yang sedia ada.

So ini adalah sesuatu yang kita sedang buat dan semoga penyelarasan yang baik kita dapat lakukan supaya kita boleh bawa dalam mesyuarat kabinet untuk kita bincang bagaimana kita wujudkan satu badan supaya ia badan itu memang berfungsi dengan baik dan memainkan peranan. Bukan nanti kita tubuhkan satu badan boleh, nanti tubuhkan satu badan dia bercanggah dengan MPOB, kuasa-kuasa yang sedia ada dia diguna. So ini adalah sesuatu yang kita kena buat dan kita kena meneliti. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Speaker:** Sekarang saya jemput ADUN Dilantik, Yang Berhormat Datuk Hajah Amisah Yassin.

**Datuk Amisah binti Yassin [ADUN Dilantik]:** Soalan nombor lapan, Datuk Speaker.

#### **PELAJAR YANG MENERIMA BANTUAN ONE OFF.**

\*8. **YB. Datuk Amisah Yassin [Adun Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapa ramaikah pelajar yang menerima bantuan *one off* dalam tahun ini.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Menteri.

#### **Jawapan**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor lapan ini Datuk Speaker



bersamaan dengan soalan nombor 11 ada berkaitan. Saya memohon untuk menjawab soalan lapan bersekali dengan nombor 11 kerana kedua-dua soalan ini ada kaitan dia.

Untuk makluman, kedua-dua ahli Yang Berhormat ADUN Yang Dilantik serta dewan yang mulia ini bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri secara *one-off* adalah seperti berikut: Bantuan Budi. Pertama, Bantuan Budi merupakan program bantuan tunai pendaftaran IPT secara *one-off* untuk pelajar dalam kalangan B40 dan M40 yang kali pertama masuk ke IPT sepenuh masa di seluruh Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan. Bantuan tunai sebanyak RM2,000 diberikan kepada pelajar yang mengikut pengajian ijazah sarjana muda dan RM1,500 bagi diploma, bagi asasi dan matrikulasi.

Untuk tahun 2022, Tuan Speaker, seramai 6,060 orang pelajar IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia yang berasal daripada Sabah telah mendapat bantuan ini. Bagi tahun 2023, seramai 656 pelajar telah diluluskan dengan peruntukan 1,191,000.00. Bantuan ini akan terus dipertimbang dan diluluskan sehingga akhir tahun ini dengan sasaran lebih 6,000 pelajar. Insya-Allah.

Yang kedua, Tuan Speaker, Bantuan Khas Tunai Peperiksaan, iaitu yang disebut sebagai BAKTI. Bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 diberikan kepada pelajar yang menduduki peperiksaan SPM, STPM dan STAM bagi ibu bapa atau penjaga mereka yang dikategorikan dalam golongan B40 dan M40. Untuk tahun 2022, Tuan Speaker, seramai 35,000 orang pelajar telah mendapat manfaat daripada bantuan ini yang melibatkan sebanyak 7 juta ringgit. Manakala, tahun 2023, Tuan Speaker, seramai 37,500 orang pelajar dijangka akan mendapat manfaat daripada bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan 7.5 juta. Bayaran akan dibuat sebulan, sebulan sebelum peperiksaan yang dijangka bermula, iaitu Februari 2024.

Bantuan yang ketiga, Tuan Speaker ialah Bantuan Aktiviti Guru dan Ibu Bapa Sabah yang disebut sebagai BAGUS. Ini merupakan bantuan secara *one-off* sebanyak RM2,000 yang diberikan kepada PIBG di setiap sekolah di Sabah yang melibatkan peruntukan sejumlah 3 juta ringgit untuk memperkasa dan memantapkan aktiviti yang dilaksanakan di sekolah berkenaan.

Untuk tahun 2022, Tuan Speaker, sejumlah enam sebanyak 630 PIBG telah dibantu tahun 2022. Bagi tahun 2023 pula, setakat bulan Julai sebanyak 490 PIBG telah dibantu yang melibatkan perbelanjaan sejumlah 980 ribu. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada di antara mereka yang membantu menyenaraikan sekolah-sekolah atau PIBG di sekolah-sekolah berkenaan, bersama dengan akaun masing-masing bersama permohonan dan telah kita ambil tindakan. Terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membantu.

Tuan Speaker, bantuan selain daripada tiga bantuan ini, Bantuan Ihsan Komputer pula atau kita sebut sebagai BAIK disediakan. Ia merupakan pemberian komputer riba, laptop di kalangan pelajar-pelajar Sabah yang sedang mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi. Untuk tahun 2022, Tuan Speaker, sejumlah 560 pelajar telah mendapat bantuan tersebut. Manakala untuk tahun...

**8/8/2023 - RAKAMAN 10 [11.30 PAGI -11.40 PAGI] - [JULIAN] - AZYATUL - MASLIJAN**

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif]:** ... 2023, setakat Julai 106, 106 pelajar telah dibantu. Syarat-syarat untuk memohon bantuan tersebut antara lain adalah, permohonan terbuka kepada pelajar IPT, berstatus bumiputera, berasal daripada Negeri Sabah, ibu bapa atau penjaga dalam golongan e-Kasih. Sekian, Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Soalan tambahan, ada? Kalau tiada soalan tambahan, demikianlah sahaja sesi soal jawab kita pada hari ini.

**Setiausaha Dewan:** Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023. Bacaan pertama.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mohon mengemukakan satu Rang Undang-Undang

bernama suatu enakmen, bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan, bagi perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2023.

**Setiausaha Dewan:** Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023.

**Tuan Speaker:** Bacaan kedua bila?

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Hari ini Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Baiklah.

**Setiausaha Dewan:** Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023. Bacaan kedua.

**Tuan Speaker:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Saya mohon mencadangkan, bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2023 dibaca bagi kali kedua sekarang.

**Tuan Speaker:** Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Tidak boleh, dia daripada pihak APK.

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih.

**Setiausaha Dewan:** Usul untuk membawa Anggaran Tambahan Perbelanjaan Perbekalan 2023 dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pembangunan 2023.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Tuan Speaker. Saya mohon mengemukakan usul kepada Jawatankuasa Perbekalan seperti berikut, bahawa walau apa jua pun kehendak Peraturan-peraturan Tetap itu, Anggaran Tambahan Perbelanjaan (Perbekalan 2023, Kertas CMD1 tahun 2023), penyata Tambahan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023, kertas CMD2 2023 (Jawatankuasa Perbekalan dan Bacaan Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023) hendaklah dibincang pada hari ini.

**Tuan Speaker:** Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong?

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]:** Datuk Speaker, saya mohon.

**Tuan Speaker:** Tidak boleh, dia mesti APK.

**Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri [Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan]:** Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalah tersebut terbuka untuk dibahaskan sekarang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat daripada Senallang. Dua puluh lima minit ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Datuk Speaker, memberikan ruang untuk saya turut membahaskan, tetapi dia belum bahas lagi.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Yes, saya belum bentang Tuan Speaker.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Belum bentang lagi ini. Dia belum bentang lagi Tuan Speaker. Pasal kita kena jelas tentang jumlah berapa peruntukan, Datuk Speaker. Dia kena bentang dulu, belum saya bahas.

**Tuan Speaker:** Hah, tiada dalam sini ni. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Ya, Yang Berhormat Datuk Speaker. Saya ingin membuat usul, agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2023 dibacakan sekarang buat kali yang kedua.

Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Yang Mulia ini, bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2023, memerlukan peruntukan tambahan sebanyak 833,019,462 ringgit untuk beberapa Kepala Perbelanjaan, untuk beberapa Kepala Perbelanjaan seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual Rang Undang-Undang tersebut. Butiran lanjut mengenai peruntukan tambahan di bawah setiap Pecahan Kepala Perbelanjaan ini, adalah dicatatkan dalam Penyata Anggaran Perbekalan Tambahan Tahun 2023, yang telahpun diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Kertas Arahan CMD1 tahun 2023.

Penyata Anggaran Perbekalan Tambahan tersebut telahpun menjelaskan bahawa semua Anggaran Tambahan ini adalah mustahak bagi melancarkan operasi Pentadbiran Kerajaan, khususnya untuk tempoh suku tahun keempat tahun 2023.

Masalah Datuk Speaker. Masalah bekalan air yang sedang dialami sekarang di seluruh Negeri Sabah adalah kritikal, seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi dan memerlukan jalan penyelesaian dengan segera. Justeru itu, Anggaran Perbekalan Tambahan ini akan menumpukan kepada perbelanjaan operasi, terutamanya untuk menangani isu air. Sejumlah 139 juta perpuluhan, 139.9 juta ringgit atau 16.69%, diperuntukkan bagi tujuan tersebut, dan selebihnya 138.54 juta atau 16.63% untuk lain-lain perbelanjaan operasi yang merangkumi seperti:

1. Program tajaan Biasiswa Kerajaan Negeri sebanyak 46 juta;
2. Penyelenggaraan saluran utama bandar dan pekan sebanyak 100, sebanyak 19.78 juta;
3. Perkhidmatan pengangkutan logistik sebanyak 16 juta;

4. Pembelian kenderaan sebanyak 10 juta, minta maaf pembelian kenderaan dan jentera di pelbagai kementerian dan jabatan sebanyak 10 juta;
5. Penyelenggaraan landasan kereta api sebanyak 3.89 juta;
6. Penyelenggaraan sistem pembentungan sebanyak 1.6 juta; dan
7. Selebihnya untuk perbelanjaan operasi kementerian dan jabatan lain berjumlah 41.2 juta.

Datuk Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan di Dewan Yang Mulia ini, selanjutnya ini, selanjutnya adalah Pecahan Agihan Peruntukan Tambahan mengikut kementerian dan jabatan. Sebanyak 175 juta atau 21.01% diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan Negeri sebagai tambahan kepada kumpulan wang berkanun bagi mengurangkan, bagi mengurangkan defisit pembangunan serta caruman kepada Kumpulan Wang Amanah, dan lain-lain keperluan yang berjumlah 380.37 juta ringgit untuk membiayai belanja pentadbiran.

Belanja Bantuan Khas atau BKK, Elaun Perjalanan dan Sara Hidup, bayaran Gantian Cuti Rehat atau GCR, dan Perbelanjaan Utiliti dan Sewa bagi menampung keperluan sehingga tahun sehingga hujung tahun seperti berikut:

1. Jabatan Ketua Menteri, 34.77 juta ringgit;
2. Kementerian Kerja Raya sebanyak 30.36 juta ringgit;
3. Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan sebanyak 9.64 juta ringgit;
4. Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat sebanyak 7.69 juta;
5. Pelbagai kementerian dan jabatan lain sebanyak 26.88 juta ringgit.

Datuk Speaker, Anggaran Perbekalan Tambahan tahun 2023 terbahagi kepada dua bahagian, iaitu:

1. Yang tidak melibatkan aliran wang tunai sebanyak **401,307,789.00**. 401 juta, 307 juta, 789 bersamaan 48% yang diperlukan bagi tujuan pelarasan. Ya, akaun untuk mematuhi peraturan perakaunan. Manakala, sebanyak 431,700.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:**...11,673 atau 52% adalah melibatkan aliran wang tunai. Peruntukan tambahan terbesar yang melibatkan aliran wang tunai sebanyak RM272.88 juta disyorkan untuk menampung perbelanjaan di bawah Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang meliputi pelbagai keperluan, iaitu peruntukan khas sebanyak RM111.71 juta. Sebanyak RM63 juta untuk pelaburan ekuiti, pinjaman dan pertukaran kepada geran untuk Badan-badan Berkanun Negeri. Sebanyak RM50.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran, bayaran pemeriksaan perubatan dan insurans serta GCR sebanyak RM224.71 juta ringgit untuk menaik, sebanyak 24. Minta maaf. Tadi RM50.1 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran, bayaran perkhidmatan perubatan dan insurans GHR. Sebanyak RM24.71 juta untuk menaik taraf Stadium Likas dan RM23.29 juta untuk menampung keperluan lain seperti perkhidmatan pengangkutan dan logistik, bayaran pemeriksaan perubatan dan penyewaan kenderaan swasta.

Datuk Speaker, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Jabatan Ketua Menteri diperuntukkan sebanyak RM66.74 juta bagi tujuan pembiayaan program tajaan biasiswa Kerajaan Negeri sebanyak RM46 juta dan selebihnya adalah untuk menampung pemberian dalam negeri, belanja pentadbiran, elaun perjalanan dan sara hidup.

Seterusnya, sebanyak RM60.85 juta diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya Sabah bagi membiayai bayaran konsesi dan kontrak jangka panjang, penyelenggaraan infrastruktur, penyelenggaraan mesin dan kelengkapan serta GCR. Sejumlah RM31.24 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan kementerian dan jabatan yang meliputi pembayaran BKK dan perbelanjaan pentadbiran pejabat.

Datuk Speaker, tambahan kepada anggaran pembangunan tahun 2023. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, penyata tambahan kepada anggaran pembangunan tahun 2023 di bawah kertas CMD 2 tahun 2023 memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM314,58,260.75 juta yang melibatkan 52 vot peruntukan di bawah 10 buah kementerian. Daripada jumlah

tersebut sebanyak RM241.66 juta diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Negeri manakala sebanyak RM4.13 juta pula merupakan pembiayaan di bawah bayaran balik persekutuan. Baki sebanyak RM66.27 juta adalah pembiayaan di bawah pinjaman persekutuan.

Agihan tersebut Datuk Speaker agihan terbesar di bawah anggaran tambahan pembangunan sebanyak RM149.36 juta atau 47.6% diperuntukkan kepada Kementerian Kerja Raya bagi membiayai projek yang sedang dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM65 juta adalah untuk membiayai projek bekalan air, pinjaman persekutuan manakala sejumlah 84.36% adalah pembiayaan di bawah Kumpulan Wang Negeri.

Agihan kedua terbesar RM98.2 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah di bawah peruntukan khas, manakala sejumlah RM29.77 juta pula diperuntukkan kepada Jabatan Ketua Menteri bagi membiayai pembayaran pampasan pengambilan tanah Pusat Islam Libaran, projek pembangunan khas dan tambahan pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah.

Selain itu, sebanyak RM13.32 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.5 juta adalah pembiayaan di bawah pinjaman persekutuan dan bakinya RM11.82 juta daripada pembiayaan Kumpulan Wang Negeri untuk membiayai beberapa projek pembangunan.

Datuk Speaker, tambahan peruntukan dalam anggaran pembangunan tahun 2023 ini juga memperuntukkan RM12.6 juta kepada Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan. Daripada jumlah tersebut RM8.52 juta diperuntukkan di bawah Kumpulan Wang Negeri untuk membiayai projek-projek Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Pertanian Sabah. Sejumlah RM4.13 juta diperuntukkan di bawah bayaran balik persekutuan untuk menampung projek penternakan babi dan pembinaan makmal veterinar.

Kementerian Belia dan Sukan Sabah diperuntukkan sebanyak RM5 juta adalah pembiayaan di bawah Kumpulan Wang Negeri untuk pembinaan dan



Penyelenggaraan Kompleks-kompleks Sukan Sabah, pembinaan Arena Belia dan menaik taraf gelanggang sukan serbaguna pelbagai daerah. Sejumlah RM4.36 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar untuk membiayai projek pembinaan Taman-taman Sabah, pembangunan Aset-aset Pelancongan, Projek Pembangunan Jabatan Hidupan Liar dan juga Muzium Negeri. Peruntukan tambahan juga diberikan kepada Kementerian Kewangan Negeri sebanyak RM617.4 ribu di bawah pembiayaan sumbangan modal bagi projek pemasangan utiliti di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran. Manakala sejumlah RM500,000 diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan rakyat bagi membaiki bangunan asrama laki-laki dan asrama wanita Kompleks Latihan dan Pemulihan OKU Kimanis.

Akhir sekali, tambahan peruntukan sebanyak RM281,000.46 diagihkan kepada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Sabah bagi Program Pembangunan Pusat Sains Teknologi dan Program Kajian.

Datuk Speaker, Saya mohon mencadang.

**Tuan Speaker:** Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong? Sudah. Sudah jawab?

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Saya menyokong.

**Tuan Speaker:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang tersebut, masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senallang untuk berbahas. 25 minit. *Kasih* naik sikit.

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** *Testing.*

**Tuan Speaker:** *No sound? Bergeraklah. Tidak on ka mic tu? I can hear but I don't know whether the menteri can hear. No sound ah?*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Datuk Speaker di atas peluang yang diberikan untuk saya bahas...

**Tuan Speaker:** Sebentar ah, sebentar. Bahagian *technician please check into the microphone*. Okey teruskan, teruskan. *Check it*.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *Testing*. Okey okey. Alhamdulillah. Terima kasih Datuk Speaker untuk membolehkan saya berbahas pada kali ini.

**8/8/2023 - RAKAMAN 12 - [11:50 PAGI - 12:00 TENGAH HARI] - [THEODORA ROMAN] - THEODORA JOSEPH - NADA HAIFA**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ... ini dan terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan *Supplimentary Budget* yang saya melihat kalau diteliti secara mendalam, iaitu berbanding dengan pada tahun yang sudah, peruntukan pada kali ini meningkat. Lebih kurang 800 juta lebih berbanding dengan tahun yang sudah 600,88 juta ringgit. Ada peningkatan dia, dan saya melihat bahawa walaupun kita tahu, sedar dan tahu perkara ini diperlukan untuk perjalanan Pengurusan Pentadbiran Wilayah Sabah, tapi dalam pada itu kita juga harus merungkai daripada sudut hasil yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri, sama ada daripada sumber-sumber minyaknya, gasnya, kelapa sawitnya, pelancongan yang ada dan juga perbelanjaan ini harus disalurkan kepada sektor-sektor yang boleh memberi manfaat, *return on investment* yang ada bukan hanya *return on investment* dengan izin, bahkan juga dia boleh memberi ruang pekerjaan kepada anak-anak kita di peringkat Negeri Sabah. Yang membimbangkan saya, sepanjang Pengurusan Pentadbiran ketirisan berlaku di merata tempat. Terkadang itu saya dapati bahawa peruntukan yang amat diperlukan tidak disalurkan kepada sektor yang amat memerlukannya. Ya. Sama ada dari sudut bekalan air, sama ada dari sudut kesihatannya, sama ada dari sudut pendidikannya, yang mana jadi keutamaan kepada hala tuju untuk membolehkan supaya pengurusan kewangan ini dapat kita *maximise* dan saya agak bimbang, seperti apa yang saya dengar dalam sesi, apa nama. Soal jawab tadi. Bila disebutkan oleh Menteri Kerja Raya, bahawa 300 juta itu belum lagi disampaikan merata tempat. Mengumumkan berjuta berbilion duit. Tapi ini menjadi satu perkara yang pokok *it's necessity* kepada umat di negara Malaysia. Bekalan air bukanlah satu perkara yang kecil. Kalau saya melihat dari segi peruntukan yang diberikan di situ pun ada. Ada peruntukan yang telah saya teliti secara mendalam, iaitu D11 01 100 0001, iaitu juga

modal belanja sampai 10 juta untuk beli tanah dan saya ingin bertanya, mengapa harus kita membeli tanah? Apakah kesannya tanah ini, yang perlu dibeli untuk membolehkan supaya sistem penyampaian bekalan air kepada umat di Sabah ini dapat kita manfaatkan. Saya sedar dan tahu dalam tadi soal jawab bahawa ada sedikit sebanyak keredaan dia mungkin di Kota Kinabalu. Tapi Yang Berhormat Menteri Kewangan, bukan di Kota Kinabalu sahaja yang menjadi masalah, di merata tempat di seluruh daerah. Bukan hanya airnya bahkan juga bekalan.

Bayangkan, ini menampakkan kepada kita di peringkat dunia kegagalan kerajaan yang tidak mampu untuk membekalkan air menjadi satu *necessity* kepada umat, rakyat di Sabah ini sehingga kita bergantung dengan swasta. Tangki air pun kita bergantung dengan swasta. Takkan tak ada paip-paip? Takkan tak ada jabatan-jabatan di peringkat daerah-daerah yang telah kita wujudkan berpuluh tahun semenjak merdeka untuk ditambah baik? *And we have to defence* dengan izin *on Private Sector to provide that slope necessity to insure that our people can survive with water*. Ini yang membimbangkan kita. Kalau tidak ada fokus dari segi pengurusan pentadbiran, kewangan yang ada, maka ini amat terbatas. Maka ini akan menggagalkan.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Pencerahan...

**Tuan Speaker:** Okey beri laluan.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Ya, terima kasih Senallang tadi itu. Tapi saya ingat Senallang tahu, dia pun Menteri Luar Bandar dulu. Kerajaan sekarang bukan tidur, kita buat. Jadi, tuduhan keterlaluan kalau tangki air pun swasta yang bagi. Kawasan saya ADUN yang bagi, Yang Berhormat. Peruntukan Kerajaan. Jangan kita main seloroh, saya ingat Ahli Yang Berhormat yang lain pun mengeluarkan belanja juga. Ini seolah-olah kita kerajaan ini langsung tidak peduli dan lagi satu kita telah berusaha untuk minta 320 juta. Sebagai Kerajaan Perpaduan sepatutnya Yang Berhormat menghadaplah Yang Berhormat Perdana Menteri. Percepatkan turunkan 320 juta yang dijanjikan itu. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Kalau saya dah menghadap banyak kali dah, Yang Berhormat Sindumin. Bukan setakat tentang

63, bukan setakat hak kita, seumpama saya menghadap bagaimana kita meningkatkan hasil.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Tapi janganlah salahkan Kerajaan Negeri.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *No. No.* Bukan saya Kerajaan. Ini kali, pasal ini pasal pertanggungjawaban takkan bergantung kepada Kerajaan Persekutuan nak bagi duit untuk 300 juta tapi belanjawan kita ada 6 bilion. Kita tunggu rakyat kita tidak ada kebuluran dengan air, sehingga duit yang ada kita nak simpan kepada bank. *We are not here depositial, we are here to manage human being* yang ada.

Datuk Speaker, itu yang saya nyatakan penting bagi kita. Contohnya, ya. Nak sebut tentang saya tak runding, saya runding. Saya bahaskan tentang ambalat pun supaya hasil kita dapat kita tingkatkan, persoalkan kebimbangan saya. Soalan saya bangkit tapi letak 65, 65, 65, 66... pasal ini penting kepada hasil negeri kita tidak mahu berulang masa zaman dahulu di mana gas dan minyak kita, Brunei dengan Sabah kehilangan berbilion duit yang ada dan saya tidak tahu bagaimana keadaan kita hasil yang kita perolehi daripada minyak dan gas di kawasan Persisiran Sulawesi. Harus diketahui, saya bangkitkan contohnya, dalam Perlembagaan Negeri Sabah, Persekutuan, Artikel 2(1), di mana setiap *boundary* yang ada sama ada *boundary* penekanan tentang contohnya Parlimen 3C, contohnya, ADUN yang ada, harus dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Inikan tentang ambalat, inikan tentang Sulawesi. Kita tidak tahu sama ada Perundingan Kerajaan Negeri yang ada. Tapi *it's very clear splatted* dari segi undang-undang yang ada, iaitu Artikel 2, menyatakan tentang "*Parliament may by law, admit other states to the federation. Alter the boundaries of any state by law altering the boundaries of the state shall not be passed without the consent of the state, expressed by a law made by the Legislature of that State*" maknanya Dewan Undangan Negeri ya, *and the conference of rules*. Maknanya, Raja-raja yang ada. Maknanya, perlu dibincangkan untuk meningkatkan hasil wilayah Sabah. Supaya kita tidak hanya bergantung dengan, mungkin Petronas dia *continental save* ada kuasa dia, ini yang saya nak bahaskan supaya membolehkan selain daripada perbelanjaan yang ada, bagaimana kita nak meningkatkan hasil kita di peringkat negeri Sabah, negeri yang kaya.

Datuk Speaker, tapi miskin, ke arah mana yang kita nak kendalikan. Pasal itu, saya tidak membuang masa waktu itu bila saya jadi Kerajaan, Ketua Menteri, saya *imposed 5% sales tax* kepada Petronas. Saya mulakan dengan peratus. *Nobody dispute, Petronas no dispute that.* Saya mulakan *stages stages.* Mungkin 20% saya akan tingkatkan tapi *it must be stage. By* peringkat-peringkat kerana ini penting kepada kita, ini hasil kita. Ini kita punya Bumi Sabah yang perlu manfaatkan dan saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan satu bab yang tadi tentang masalah tanah yang ada, ya. 10 juta dan di samping itu, bila saya dapati bahawa ada tentang 70 juta dibagikan kepada Jabatan Air yang ada. Tambahan peruntukan yang ada. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, ke arah mana kewangan ini nak disalurkan? Bila saya lihat Jabatan Air beli Pejabat Mesin pertingkatkan, beratus ribu duit untuk meningkatkan kemudahan pejabat, kemudahan yang ada, kakitangan yang ada *but delivery system is not there.* *We have to double check, make sure that* ketirisan ini tidak akan berlaku setiap ketika. Bimbang saya, ya. Terkadang itu dalam keadaan ekonomi begini yang merosot banyak juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ke luar negara, lawatan sambil belajar. Tidak tahu saya ternampak perbelanjaan ini dari negerikah atau dari GLC ya. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat *I mean...* ketirisan yang ada. *We don't want to spend money unnecessarily.* Ya. Terkadang itu kita belanja tapi ubah di sana seorang kemungkinan belanja 50 ribu satu orang ADUN ataupun 60 ribu. Yang kita hantar ini pun dah pernah belajar di luar Negara. *Why do you need that* lawatan sambil belajar *when the ekonomi is not good for us?* Keadaan dunia yang pada hari ini cukup mencabar. *I can tell you* ya, sabagai seorang ahli ekonomi *the downfall not only in terms of ringgit, not only in term of supply and necessity of weed* yang berlaku di Ukraine dan Rusia *impact* dia kita akan merasanya, bukan hanya pada hujung tahun ini kemungkinan besar tahun depan dan bimbang saya kalau kita tidak dapat berupaya untuk fokus perbelanjaan-perbelanjaan yang ada dari segi kewangan di negeri Sabah contohnya, saya sebutkan tentang bekalan air yang ada. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mengatasi masalah ini kerana bukan hanya di Kota Kinabalu ya, dari segi apa nama, fokus jabatan ini perlu kita *review.* Ini yang saya bimbang sangat. Saya nak bertanya, bagaimanakah bekalan air boleh dibekalkan oleh pihak swasta? Bukan hanya di luar bandar, di daerah-daerah mereka boleh dapat air. Dari mana...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...sumber air ini. *Company can get water*, rakyat tak boleh dapat air. Saya nak tanya, sama ada lesen meluluskan supaya syarikat-syarikat ini adakah mereka ini berlesen? Kalau tidak ada lesen kenapa Kerajaan Negeri tidak boleh ambil tindakan, yang tegas, tentang perkara ini. Tak kan Kerajaan Negeri tidak mampu beli lori? Sudah 2-3 tahun sudah untuk bagi bekalan air bergantung dengan swasta. *We can have swasta. I know there's a lot of concession.* Jetama ada, beberapa *concession* yang kita telah tandatangan berpuluh tahun tetapi dari segi proses bekalan air di peringkat Negeri Sabah *is done by a private sector to concession but the distribution part of it should be done by the State Government.* Tetapi ke mana penyelesaian masalah ini yang sampai ia dapat kita lihat sebagai satu apa nama, ah rakyat negeri Sabah ini mendapat bekalan, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air.

Keduanya saya juga ingin melihat sumber yang diperolehi daripada 600 juta kepada 800 juta yang ada. Saya mendengar berbagai pengumuman tentang menandatangani bekalan elektrik ya untuk menarik pelabur dan saya ucapkan tahniah. Datuk Speaker mungkin ini akan mendapat hasil kepada negeri Sabah yang ada. Cuma masalah dia, jumlah yang diperlukan oleh syarikat ini cukup besar. Tidak akan mampu untuk ditampung oleh SESB yang ada. Pasal itu, saya nyatakan sebelum kita ambil SESB seumpama beli kereta, Datuk Speaker, *check* kereta itu dahulu. Ekzos dia, paip dia, enjin dia, *you know, what is important we must be very thorough* dari segi nak kan supaya hak waktu dahulu kita memang dah setuju dah mengambil alih SESB tetapi saya tekankan bahawa SESB, Kerajaan Persekutuan *must continue* subsidi 2 bilion setiap tahun dalam jangka masa 10 tahun, baru kita ambil *full pace by the State Government at least 20 billion.*

Mengapa tidak boleh Kerajaan Persekutuan boleh beri apa nama 2 bilion subsidi kepada SESB berterusan. Kalau negeri Sarawak, wilayah Sarawak boleh ambil Air Asia apa nama, apa nama, MASwings. Lepas itu MASwings bagi dengan Kerajaan Negeri Sarawak, *on top of that* subsidi tiket untuk luar bandar berkekalan, ya, 200 juta. Jadi tiap-tiap tahun Kerajaan Persekutuan mampu untuk bagi 200 juta setiap tahun subsidi untuk kapal terbang. Menampung *rural tranformation centre* yang

boleh membolehkan supaya penduduk-penduduk luar bandar boleh ditampung. Tak kan pula SESB yang bukan hanya boleh mengatasi contohnya menarik pelabur *tax will come to the Federal Government* yang ada. Jadi saya berharap sungguh keadaan bukan hanya saya bahaskan ini tentang hasil yang ada di peringkat negeri bahkan juga, perbelanjaan ya, bila saya melihat dari segi hasil diperolehi contohnya daripada kelapa sawit ya, telah kita bahaskan, telah kita soal jawab tadi. Hasilnya di antara *income* yang kedua terbesar di wilayah Sabah selain daripada minyak dan gas setiap tahun ya, kelapa sawit, lepas itu kemungkinan pelancongan. Tetapi saya melihat bahawa kita tidak ada rangka, Datuk Speaker untuk membolehkan bahawa industri ini *sustainable* ya.

Daripada beratus juta kita perolehi *I know it goes into consolidated fund but it doesn't mean that the consolidated fund cannot be distributed contributed to ensure industry ini sustainable*. Saya masih ingat, saya peringatkan mendiang Lim Keng Yaik masa kita luluskan supaya Lembaga Cocoa Board ibu pejabat dia terletak di Tawau. Hari ini Lembaga Cocoa Board terletak di Tawau tetapi berapa pokok koko yang ada di Sabah? Habis. Saya nyatakan dengan Tan Sri Mendiang Lim Keng Yaik, *taiko for the sake of all to sustain this project pastikan downstream must be there*. Coklat kilang pun tidak ada di Sabah. Buat *sweet* berbagai-bagai, kilang-kilang *downstream* tidak ada, inikan kelapa sawit.

Pasal itu masa kita kerajaan, kita pastikan *there must be downstream*. Minyak masak Bess di Tawau, di Sandakan, di Keningau *downstream* buat *candle*, buat kosmetik supaya industri ini *sustainable*. Kita tidak boleh hanya bergantung dengan mengeksport *raw*, kelapa sawit ke luar negara mungkin *fluctuate* harga dia tetapi kalau kita *go downstream deeper* minyak kelapa sawit yang ada, jual minyak masak. Lepas itu, *candle other things* yang kita boleh keluarkan bukan hanya hasil mungkin dapat kita tingkatkan. Bahkan juga peluang pekerjaan akan dapat kita lahirkan kepada anak-anak Sabah yang tidak perlu berhijrah ke Semenanjung untuk mendapat pekerjaan yang ada dan ini dapat kita mengekalkan supaya putaran *expenditure* yang ada kalau anak Sabah dapat peluang pekerjaan, dia mereka *spend the money* yang ada dan Datuk Speaker ini di antara perkara yang kita harus lihat bukan hanya *Supplementary Budget*.

(kurang jelas)

**Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]:** Boleh saya mencelah. Terima kasih Datuk Speaker. Saya ingin membawa kepada perhatian YB Senallang sama ada YB Senallang setuju dengan proses meningkatkan *collection of rates* di Majlis-majlis Daerah seluruh Sabah. Di Penampang, kita ada beberapa protes berkaitan dengan *collection* ataupun tujuan untuk mengutip cukai *rating* di kawasan yang tiada *services* seperti Kampung Kolopis dan beberapa *operational area* yang telah dikenal pasti oleh Majlis Daerah ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*I think Majlis Daerah must think* di kawasan yang tiada *services*, tiada lampu, tiada *garbage collection*, tiada apa ini aktiviti daripada Majlis Daerah tersebut patut *collection* di *waive* ataupun di *exempted*. So, saya ingin membawa perhatian kepada Menteri melalui ucapan YB Senallang untuk ke *exempt* Kampung Kolopis dan beberapa kampung yang berkaitan di daerah Penampang. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih ah, Datuk Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Moyog dan saya akan masukkan dalam sebahagian daripada ucapan perbahasan pada kali ini untuk membolehkan supaya pungutan hasil ini juga merupakan salah satu perkara yang cukup penting untuk kita perolehi sumber yang ada dan saya dapati contohnya dalam sektor bukan hanya luar apa nama *district collection* yang ada malahan juga dari segi sektor pelancongan contohnya.

Sektor pelancongan hasil yang diperolehi kita tahu bahawa hari ini banyak pelancong datang daripada negara China bukan hanya daripada negara China daripada negara Taiwan tetapi saya dapati bahawa pungutan yang diletakkan kepada *each divers* yang ada kadang-kadang saya tidak tahu betulkan tidakkah ditingkatkan, dahulu hanya dalam lingkungan lebih daripada RM50.00 hari ini dah RM400.00 saya difahamkan. Sekali *dive* yang ada. So, *how do you encourage that?* Supaya apa ini, pelancong yang ada walaupun kita tahu ini berkali ganda yang kita pungut hasil yang ada. Saya ingat, sudah sampai ketika dia *there must be a system* yang walaupun saya tahu bahawa Kerajaan Persekutuan sedang memperkenalkan, saya pun belum dengar apa pembentangan tentang *progressive taxation* yang ada di peringkat negara kita untuk membolehkan supaya hasil ini dapat seimbang tetapi dalam pada itu *tax* yang ada bila kita tekankan tetapi di samping itu kesuburan



peniaga-peniaga kecil di peringkat *district-district* ini juga harus kita lihat secara mendalam.

Jadi Datuk Speaker, itu di antara perkara-perkara yang saya lihat dalam perbahasan ini. Begitu juga dengan sektor pertanian, begitu penting kepada kita untuk (kurang jelas) supaya hasil Kerajaan Negeri atau pun wilayah Sabah ini dalam sektor pertanian bukan hanya dari segi bekalan sayur-sayuran daripada kawasan-kawasan seperti Ranau, bahkan juga saya sedar dan tahu bahawa *seafood* yang ada kita telah mengekport sebanyak benua yang ada, ke Thailand pun ada. Saya tahu dari segi lobsternya, dari segi ini dan perkara ini harus disusun atur dengan baik.

Bagaimana supaya manfaat ini bukan hanya, saya dapati banyak usahawan-usahawan yang datang daripada sama ada daripada Singapura, sama ada daripada apa nama Semenanjung, yang datang bukan kita tidak galakkan, galakkan mereka. Tetapi dalam pada itu, apakah pihak Kementerian Pertanian yang boleh memastikan supaya ada perancangan yang begitu rapi? *The export of all this raw material* yang ada. Bukan hanya gasnya, bukan hanya minyak kelapa sawitnya *but full item* kerana kita sedar bahawa makanan, *food security* dalam keadaan dunia *environment, the changes* yang berlaku di dunia ini cukup mencabar. Dia ada tiga perkara Datuk Speaker, cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dunia. Pertama, *environment changes* yang ada. Yang kedua kesihatan, akan berlaku kesihatan yang dicabar yang kita tidak ada ubat dia dan ketiga *intellectual*, iaitu *AI, Artificial Intelligence* juga sebagai satu sumber pendapatan wilayah Sabah untuk kita pastikan...

**8/8/2023- RAKAMAN 14 [12:10 TENGAH HARI – 12:20 TENGAH HARI] - [NATASHA] - DARRYL - AHMAD FAZLY**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** supaya contohnya kesihatan yang ada. Saya tidak nampak bahawa dalam belanjawan ini daripada sudut bagaimana kita nak tambah baik, apa nama sistem kesihatan yang ada di peringkat daerah Sabah.

**Tuan Speaker:** Ya silakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya ingat Datuk Speaker nak...

**Tuan Speaker:** Tidak, tidak, tidak.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Okay...dan ini di antara perkara-perkara...

**Tuan Speaker:** Tapi kalau mahu berhenti okeylah. Kalau mahu teruskan, teruskan.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Saya kalau.. saya bimbang. *I'm a very obedient kind of man.*

**Tuan Speaker:** *No, no, no..*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Datuk Speaker. If my time..

**Tuan Speaker:** *you still have the time. I will tell you when to gulung.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** *I.. I don't want to deprive others from speaking.*

**Tuan Speaker:** *No, I will tell you when to gulung.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Banyak.. banyak ruang yang saya nak sebutkan tentang perkara ini. Jadi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, perbelanjaan yang seperti yang saya nyatakan haruslah berteraskan jangan ketirisan berulang kali ya. *You spend, tambah baik sport complex 24 million (ketawa), it's a lot of money.* Bukan sikit. *Sport Complex* Sabah yang ada 24 juta ya. Jadi ini, ini yang penyelenggaraan tapi saya melihat kita banyak barang yang kita perlukan keutamaan-keutamaan airnya, jalannya, *educationnya*, kesihatannya. Kita boleh belanja beratus, berjuta untuk *sport complex* yang ada. Saya tahu bahawa *sport complex* yang ada mungkin di Kota Kinabalu ini... ini diperlu ditambah baik dan yang itu yang saya nak sebutkan

Datuk Speaker dalam sesi perbahasan. Terima kasih banyak atas ruang yang diberikan untuk membolehkan kita berbahas pada kali ini. Terima kasih banyak.

**Tuan Speaker:** Terima kasih Yang Berhormat Senallang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kadamaian.

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** Terima kasih Tuan Speaker di atas ruang ini. Terlebih dahulu, saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan *supplementary budget* kita pada hari ini, dan pada saya pembentangan ini ataupun keperluan ini adalah satu gambaran kepada usaha-usaha yang sedang dilaksanakan ataupun akan dilaksanakan oleh Kerajaan Sabah dalam menambah baik infra dan juga perkhidmatan kepada rakyat, dan sudah tentu selepas meneliti senarai-senarai keperluan secara spesifik sama ada keperluan *supplementary budget* untuk pembangunan ataupun pengurusan, pembekalan, saya berpandangan *supplementary* wajib ini wajar disokong oleh semua Ahli Dewan ini. Apapun saya ingin menyentuh beberapa perkara yang juga disebut di dalam perincian *supplementary budget*.

Yang pertama mengenai dengan tajaan pengembangan bakat, iaitu terkait dengan biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajar negeri yang melibatkan 46 juta ringgit peruntukan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah *remedy* kepada pelajar-pelajar yang telah memohon dan telah dimaklumkan permohonan mereka gagal ataupun tidak dapat pada permohonan sebelum ini. Tetapi mereka ini kebanyakannya daripada keluarga B40 yang sudah berada di semester pertama, sudah mendaftarkan pengajian mereka dan sebahagiannya banyak yang sudah berada di semester tiga dan apakah dengan *supplementary budget* ini, boleh setidak-tidaknya membantu mereka yang memohon *appeal* ataupun merayu untuk permohonan kedua ataupun ketiga? Kerana di kawasan saya sama ada di Kadamaian dan di Penampang juga.

Banyak yang mengadu dengan saya, permohonan mereka ditolak dengan harapan supaya keputusan mereka SPM yang lepas, keputusan mereka di PraUniversiti diambil kira, keputusan yang sangat cemerlang pada saya dan mengambil kira kedudukan ekonomi keluarga itu dalam kategori B40 pada saya, wajar untuk dibantu dan sekiranya kalau pihak Kerajaan Sabah mendapatkan senarai yang telah datang

berkunjung ke pusat khidmat saya untuk maksud ini. Saya boleh kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seterusnya, saya ingin bertanya apakah dasar Kerajaan Sabah pada masa ini tentang pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ataupun pengajian ke universiti ataupun kolej di universiti di luar negara? Di Australia misalnya ataupun di Rusia ataupun di negara-negara lain di mana universiti itu diiktiraf pada sektor tertentu dalam perubatan misalnya. Apakah Kerajaan Sabah melalui biasiswa ini, BKNS ini masih boleh diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang melanjutkan pelajaran di... di luar Malaysia?

Seterusnya, saya ingin mendapatkan maklumat ataupun ya lah maklumat lebih terperinci mengenai dengan jumlah *collection* ataupun pungutan di bawah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Sabah yang telah kita luluskan di Dewan ini pada tahun 2021. Berapakah jumlah simpanan ataupun pungutan dalam tabung ini dan apakah rancangan pihak kerajaan untuk menambah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Sabah ini dan apakah Kerajaan Sabah juga menuntut perkara-perkara tertentu daripada Kerajaan Persekutuan supaya tabungan Amanah Pendidikan Sabah ini dapat ditambah? Itu perkara pertama.

Keduanya, tentang perbelanjaan pelaburan, promosi, perdagangan dan seminar yang mana sebanyak RM420,000.00 dicadangkan kepada Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan di Sabah, dan saya ucap tahniah ini menunjukkan komitmen besar Kerajaan Sabah dalam menarik pelaburan dan juga mengangkat sektor keusahawanan SME Sabah kepada satu tahap yang lebih baik, dan untuk ini saya ingin mencadangkan merekodkan cadangan saya walaupun sebelum ini telah berbincang dengan Menteri Keusahawanan, Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya ingin merekodkan di sini cadangan saya supaya dilaksanakan satu jawatankuasa koordinasi ataupun satu jawatankuasa penyelarasan pembangunan keusahawanan di antara Kerajaan Sabah dengan Kerajaan Persekutuan kerana kita maklum agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan ini begitu banyak.

Dalam rekod Kementerian Pembangunan Usahawan kita ada 66 agensi yang terlibat dalam pembangunan keusahawanan dan di bawah Kementerian Pembangunan

Usahawan, ada 10 agensi dan kalau ada jawatankuasa penyelarasan ini, seperti yang dilaksanakan di negara... negeri jiran misalnya lebih mudah untuk Kerajaan Sabah apa nama mengolah cara agensi-agensi persekutuan ini memberi perkhidmatan dan pembiayaan dan pembangunan yang diperlukan sesuai dengan hala tuju Sabah.

Pada pandangan saya, wajar inisiatif pembangunan keusahawanan itu *is led by the state government* dan Kerajaan Persekutuan *support* dari segi pembiayaan, latihan, pembangunan kapasiti, promosi termasuklah pembangunan premis-premis perniagaan yang diletakkan di beberapa agensi persekutuan tapi *it has to be led by the state government*. Saya cadangkan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Menteri ataupun mana-mana anggota jemaah menteri yang dimandatkan oleh Ketua Menteri dan kesemua agensi-agensi persekutuan harus akur kepada jawatankuasa ini, dan ini memerlukan satu punca kuasa, iaitu satu keputusan kabinet Sabah supaya agensi-agensi persekutuan boleh membantu dan boleh ada satu ruang platform yang lebih... lebih tersusun bagaimana penyelarasan pembangunan keusahawanan ini dapat di... dibuat di Sabah dan sebagai tanda komitmen untuk pengetahuan.

Dan terima kasih Datuk.. Tuan Speaker kerana telah membenarkan dua orang pegawai Bahagian Dasar dan Antarabangsa di Kementerian Pembangunan Usahawan berkampung, berada di sidang ini sehingga khamis untuk mengambil catatan-catatan sekiranya ada isu keusahawanan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan, yang mana sesuai untuk diambil tindakan oleh kementerian. Dan sudah tentu kita akan balik ke kementerian dan bincang dengan kerajaan negeri, Kerajaan Sabah apa yang kita boleh bantu. Dan mereka ini berada di... di luar Dewan. Tadi pun ada dibangkit dan ada pegawai-pegawai daripada kementerian sedang mengambil catatan yang mana terkait dengan bidang kuasa Kementerian Usahawan untuk membantu melengkapkan usaha kementerian... kementerian yang ada di bawah Kerajaan Sabah.

Seterusnya, perkara ketiga tentang Jabatan Perhutanan Sabah yang juga diperuntukkan belanjawan tambahan. Saya ingin mengulangi syor saya sebelum ini supaya kawasan-kawasan NCR yang dituntut oleh komuniti yang masih terletak

dalam kawasan hutan simpan ataupun Taman-taman Sabah misalnya supaya kawasan mereka itu dapat dikeluarkan dan diserahkan kem...

**8/8/2023 - RAKAMAN 15 [12:20 PAGI - 12:30 PAGI] - [NURIAHTIKA] - TERESA - NADA HAIFA**

**Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]:** ...kembali kepada komuniti, supaya dijaga oleh komuniti dengan sokongan Kerajaan, Jabatan Perhutanan dan sebagainya. Dan mengambil contoh spesifik di perkampungan di Kampung Melangkap yang termasuk dalam Hutan Simpan Wariu yang diwartakan pada tahun 2016 sebelum saya menjadi anggota Dewan ini dan juga perkampungan Kampung Kibunut Penampang yang juga termasuk dalam Hutan Simpan. Saya cadangkan supaya ianya diserahkan kepada penduduk dan boleh apa nama wujudkan kategori baharu seperti mana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Saya membaca laporan berita beliau mencadangkan Hutan Simpan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dan ini cadangan saya. Saya konsisten dalam cadangan ini supaya kawasan NCR yang dituntut oleh rakyat tersebut diserahkan kepada penduduk, diwujudkan Jawatankuasa Pemegang Amanah untuk untuk untuk memelihara dan menjaga kawasan yang mereka menuntut aa selama ini. Seterusnya perkara keempat berkaitan dengan Peruntukan Khas kepada ADUN-ADUN Kerajaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Yang ini, terkait dengan penubuhan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, saya telah membaca satu surat yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Bandar Sabah, penukaran nama daripada JPKK kepada JKK dan sekiranya itu adalah dokumen yang betul, saya alu-alukan dan saya sokong penuh tetapi saya ingin mencadangkan sekali lagi dalam Dewan ini untuk kita meminda satu Ordinan lama, yang dipanggil sebagai *Rural Administration Ordinance* ataupun Ordinan Pentadbiran Luar Bandar Sabah, supaya institusi JPKK itu dimasukkan di dalam Ordinan ini dan diterima sebagai satu Ordinan yang baharu, yang dipinda supaya tidak ada lagi cakap-cakap mahu wujudkan sampai dua JPKK dua JKK misalnya. Biarlah Dewan ini pinda Ordinan yang telah diwujudkan sebelum ini, dan sebarang peralihan tadbir urus mengenai dengan JKK di kampung-kampung itu harus menjadi hak mutlak Kerajaan Sabah.

Seterusnya, pembinaan arena luar bandar, disebut tadi, saya meminta dan mencadang merekodkan permohonan bagi pihak belia-belia di Kadamaian, supaya

arena belia luar bandar ini dapat dilaksanakan, dibangunkan di Kadamaian pada tahun hadapan, begitu juga Perkara (6) Pelaksanaan Pelan Tindakan Hidupan Liar Terancam Sabah, peruntukan tambahan dan walaupun sudah ada program spesifik yang dinyatakan tapi saya mencadangkan supaya Pusat Rehabilitasi Ungka yang dibina dan dibangunkan oleh NGO, iaitu *Gibbon Rehabilitation Project*, yang dibina di kampung Kiau dalam kawasan Dun Kadamaian juga dapat disediakan pembiayaan sedikit sebanyak pembiayaan pada tahun hadapan supaya Kerajaan dan NGO dan Komuniti di situ sama-sama bertanggungjawab dan memastikan hidupan liar yang terancam ini dapat sama-sama kita pelihara.

Tuan Speaker, saya fikir itu sahaja perkara-perkara yang saya ingin sampaikan dan yang memerlukan apa nama penjelasan lebih lanjut dan yang mana Kementerian Kerajaan saya juga, akan selepas ini balik ke Kuala Lumpur menghadiri Mesyuarat Kabinet *bisuk (esok)*, minta maaf tidak dapat hadir *bisuk (esok)*, Tuan Speaker, hari Khamis pun Mesyuarat Khas Kajian Separuh Penggal di mana kita telah mencadangkan pelbagai inisiatif baharu untuk pembangunan keusahawanan termasuk mengambil kira input-input daripada Menteri Usahawan Sabah, dan saya perlu berada di mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. *I need to be fair in my my proposal* dan mudah-mudahan kita balik semula ke Dewan ini dan berkongsi manfaat apa yang baik untuk rakyat, apa yang baik untuk Sabah. Itu sahaja saya mohon menyokong *Supplementary Budget* ini. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Kadamaian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sindumin. 15 minit ya Sindumin.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Terima kasih, Datuk Speaker. Saya ingin mengambil bahagian sedikit segi Belanjawan Tambahan ini dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, atas pembentangan yang baru dibentangkan sebentar tadi. Soal Belanjawan Tambahan ini, mungkin ramai yang tidak faham, dan tertanya-tanya mengapa ia perlu. Ini adalah keperluan semasa untuk melincinkan pengurusan dan pentadbiran negeri serta ada benda-benda baharu yang perlu dimasukkan ataupun ditambah. Tetapi ia juga sesuai dengan pendapatan negeri sehingga Belanjawan Tambahan ini tidak menyebabkan bajet tahunan itu menjadi defisit. Kalau kita lihat sejarah lalu, di Negeri Sabah sendiri tahun 2019, ada Belanjawan Tambahan sebanyak RM337 juta, 423,659 dengan aliran tunai yang

diperlukan RM93.7 juta, itu juga. Pada tahun 2020, Belanjawan Tambahan RM533 juta bagi keperluan program pada masa itu. Di Negeri Sarawak sendiri, negeri yang begitu kaya yang bajet mereka mencukupi. Pada tahun 2020 peruntukan dana tambahan sebanyak RM388 juta, Datuk Speaker. Kemudian 2021, peruntukan tambahan Negeri Sabah sebanyak RM478 juta. Dan tahun aa 2022, Belanjawan Tambahan sebanyak RM179.8 juta. Ini menunjukkan bukan sahaja Sabah tapi negeri lain juga perlukan peruntukan tambahan ini.

Di peringkat Parlimen pula 2018, sejumlah RM4.13 billion untuk peruntukan tambahan. 2019, RM7.18 billion. 2020, RM7.0.. RM7.05 billion. 2021, RM8.41 billion dan 2022, RM8.41 billion juga. Jadi ertinya peruntukan tambahan ini bukanlah satu perkara yang ganjil dan tidaklah di luar kuasa yang ada untuk negeri ini.

Datuk Speaker, saya ucap tahniah atas kesungguhan tadi kawan membahas juga bahawa peruntukan tambahan ini telahpun digariskan di bawah buku biru ini, dan jumlah yang diperuntukkan adalah sebanyak RM833.019, minta maaf RM833 jutalah ringkasnya untuk perbelanjaan tambahan ini dan kalau kita lihat ia meliputi seluruh aktiviti-aktiviti yang diperlukan.

Namun demikian, Datuk Speaker, saya cuma menekankan beberapa pecahan kepala spesifik, yang ada dalam buku secara *detailnya* dalam buku putih ini, yang tebal dan juga yang ada di yang kecil ini. Saya tertanya, atas peruntukan yang diberi kepada Dewan Undangan Negeri ini, untuk melincinkan pentadbiran Dewan Undangan Negeri dan juga elaun serta keperluan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, bukan sahaja Kerajaan tapi juga wakil-wakil pembangkang yang berkhidmat untuk rakyat dan melincinkan aa pembayaran elaun dan juga apa-apa keperluan yang mereka perlukan. Jadi ini aa perkara biasa.

Cuma yang Datuk Speaker, masalah dia tulisan dia terlampau kecil. Kita kena pakai teropong untuk tengok ini. Ini masalah. Jadi di bawah peruntukan peruntukan khas Kementerian Luar Bandar pula ada peruntukan khas, iaitu di bawah pecahan kepala di bawah saya tidak sebut kepalalah, berjumlah RM98 juta ringgit, iaitu peruntukan khas kepada ADUN-ADUN untuk melicinkan tugas-tugas mereka. Jadi ini juga salah satu daripada saya ucap tahniah kepada Kementerian Kewangan memberi peruntukan ni kepada Kementerian Luar Bandar untuk melincinkan tugas Ahli-ahli



Yang Berhormat di kawasan. Tapi kalau boleh kita lihat minta ditambah lagilah, Yang Berhormat Menteri Kewangan, supaya permintaan rakyat di kawasan itu dapat dipenuhi. Tadi Senallang bagitahu tangki pun kita diminta daripada swasta tapi tidaklah sebegitu sebenarnya. Kita ADUN-ADUN prihatin. Kita tidak membiarkan rakyat meminta-minta daripada swasta untuk tangki walaupun tangki biru yang dulunya menjadi popular. Cuma saya tidak...

**8/8/2023 - RAKAMAN 16 [12.30 PAGI -12.40 PAGI] - [AMIRUL] - RAMENAH - MASLIJAN**

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** ...tidak melihat ada kaitan atau tidak, tetapi saya ingat ini juga tanggungjawab Kementerian Luar Bandar untuk memastikan bahawa perkhidmatan ataupun bekalan elektrik luar bandar walaupun ia di bawah Kementerian Persekutuan untuk kawasan saya misalnya di bawah gugusan bekalan solar di Kampung Meligan dan Long Pasia ada satu projek yang diberi oleh Kementerian Luar Bandar sebanyak 69 juta Ringgit, iaitu kontraktornya ialah IN13 Sdn. Bhd., tetapi setakat ini sudah terbengkalai lima tahun saya minta ada penjelasan melalui peruntukan tambahan ini kerana rakyat di kawasan saya dan saya sendiri mengambil berat tentang perkara ini di kawasan Meligan.

Bagi Kementerian Belia dan Sukan di bawah pecahan kepala sepanjang ini yang Datuk Speaker, iaitu pembangunan kemajuan sukan di daerah banyak peruntukan. Contohnya, di kawasan ADUN Sindumin ada satu pusat ataupun kompleks sukan setakat ini sudah semakin baik boleh minta peruntukan tambahan untuk memperbaiki infra ataupun kemudahan-kemudahan lain seperti asramanya ataupun dewan yang ada di situ kerana tanpa itu pusat ini tidak begitu bermaya dan di bawah belia juga saya tidak nampak ada peruntukan khas tambahan untuk permintaan kepada belia latihan kepada belia-belia contohnya belia ini usahawan kita kebanyakan sekarang ini banyak belia ini berkeliaran kalau kita lihat belia-belia ini tidak menyambung pelajaran ke peringkat ketiga dan seharusnya ini menjadi tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan supaya belia-belia ini dikumpul dan diberi latihan.

Saya mengikuti ucapan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada pemberian biasiswa pelajar cemerlang pada minggu sudah di Yayasan Sabah terdapat

sebilangan besar pelajar-pelajar SPM tidak menduduki SPM mereka tercicir. Jadi saya ingat Yang Berhormat Menteri Pelajaran Menteri Sains Teknologi Inovasi tahu perkara ini yang sebagai exco kalau tidak silap daripada 40 ribu yang layak menduduki SPM cuma 30 ribu yang menduduki 10 ribu lagi tercicir saya cuba semak di kawasan saya Sindumin daerah Sipitang memang terdapat daripada 400 pelajar yang layak menduduki SPM saya kira 20 orang tidak menduduki SPM jadi ke manakah mereka ini apakah bentuk latihan ataupun panduan kepada mereka ini supaya mereka jadi belia yang berguna kepada negeri dan negara.

Datuk Speaker, di bawah Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan juga dia ada dua, ini belia pun ada kemudian pengguna keusahawanan pun ada di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan perbelanjaan untuk latihan ini juga saya tidak nampak ada peruntukan tambahan untuk melatih belia-belia dalam jurusan keusahawanan ini dan kita minta supaya ini diambil perhatian ataupun disusun semula perbelanjaan yang ada itu untuk memberi ruang kepada kementerian ataupun di daerah melatih belia-belia ini dalam bahagian keusahawanan.

Datuk Speaker, di bawah S14 Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah, iaitu untuk kakitangan ini juga disuarakan pada masa yang lalu bahawa Pejabat Daerah saya menjurus kepada Daerah Sipitang kita cuma ada satu juruteknik di Pejabat Daerah saya ingat daerah lain pun sama dan juruteknik ini, yang membuat BQ ataupun senarai harga dan juga reka bentuk dan bebanan kepada juruteknik yang seorang ini juga melayan projek-projek daripada ADUN daripada Parlimen daripada KPLB daripada ICU daripada SDO dan juga daripada pelbagai pihak.

Jadi selalunya sebab itu kadang-kadang lambat untuk membuat reka bentuk dan juga ringkasnya BQ untuk projek-projek di daerah, apa tidaknya saya mintalah bahawa di bawah peruntukan tambahan ini hantarliah seorang lagi ataupun dua orang lagi juruteknik di Pejabat Daerah sama ada dipinjamkan ataupun lantikan baharu untuk menyelesaikan masalah kekurangan juruteknik di daerah saya ingat daerah lain pun sama masalah lantikan juruteknik di daerah ini.

Datuk Yang Dipertua, Kementerian Pelancongan juga S43 saya tidak melihat peruntukan tambahan ini kerana ada aktiviti kedatangan pelancong semakin banyak

terutama sekali daripada China dan juga saya melihat banyak juga daripada Eropah dan dulu kita ada mempromosikan, iaitu COBT ataupun *Community Base Tourism* dan di bawah Kementerian Pelancongan kita ingin mempromosi pelbagai produk yang ada di daerah, tetapi sayangnya produk di daerah ini terbiar begitu sahaja saya minta supaya ini dilihat oleh kementerian sama ada melalui Kementerian Negeri atau kerjasama dengan kementerian di pusat supaya produk-produk pelancongan berteraskan komuniti ini ataupun *Eco Tourism* ini dapat kita perbanyakkan dan diberi peruntukan secukupnya untuk mempromosikan pusat-pusat pelancongan di peringkat daerah, iaitu *Community Base Tourism* ini.

Datuk Speaker, saya juga ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu di bawah Jabatan Ketua Menteri di mana ada peruntukan khas untuk pemberian kepada NGO-NGO dan di daerah saya terdapat lebih kurang 82 NGO dan NGO ini mempunyai juga peranan untuk memajukan daerah kalau kita lihat bahawa sesuatu daerah itu dimajukan oleh Jabatan Kerajaan kemudian dimajukan oleh swasta dan tidak kurang pentingnya juga yang ketiga ialah NGO ini yang mana memberi khidmat kepada masyarakat untuk aktiviti-aktiviti contohnya gotong-royong untuk ibu tunggal, untuk persatuan kacang manis, buah pinggang dan sebagainya dan saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri dapat melihat perkara ini supaya NGO ini diberi peruntukan terus ataupun melalui ADUN di daerah diselaraskan di ADUN saya, saya telah pun melayan NGO-NGO ini dan memberi peruntukan kepada mereka dan mereka cukup membuat aktiviti yang begitu berkesan kepada masyarakat contohnya gotong-royong, membaiki rumah-rumah daif, gotong royong untuk membaiki rumah yang ditimpa kebakaran ataupun kerosakan akibat terkena kayu ataupun sebagainya ataupun jambatan yang runtuh yang perlu dibaikkan segera yang tidak memerlukan kelulusan birokrasi kerajaan.

Jadi ini sangat penting begitu juga dari segi membangun masyarakat, iaitu contohnya kursus-kursus kemasyarakatan, iaitu kursus keusahawanan kursus menambah ilmu dan juga kemahiran yang dibuat oleh NG-NGO ini jadi inilah yang penting bagi penduduk-penduduk di daerah, saya ucap tahniah juga tadi dikatakan bahawa kita seolah-olah tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah air tetapi kalau dilihat melalui peruntukan ini dan juga cadangan kerajaan ini bahawa kita ada peruntukan kalau dalam buku ini ada 95 juta berbagai-bagai perbelanjaan untuk Jabatan Air dan juga kita masih menunggu wang peruntukan kecemasan

dariapda Kerajaan Persekutuan sebanyak 320 juta ringgit yang saya tidak tahu sama ada sudah sampai atau tidak mungkin menteri dapat memberi penjelasan dan memang kegelisahan rakyat di bawah adalah masalah air...

**8/8/2023 - RAKAMAN 17 [12.40 PAGI - 12.50 PAGI] - [ANNETY] - NADIA - AHMAD FAZLY**

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** ...tapi rakyat juga kena faham Kerajaan tidaklah berdiam diri dan berbagai-bagai program telahpun dilakukan. Cuma, mungkin wakil rakyat di kawasan masing-masing perlu memberi kefahaman juga kepada penduduk di kawasan. Saya difahamkan kecurian air ini sudah berleluasa sejak dahulu dan sukar ditangani. Saya ingin minta penjelasan daripada Kementerian, apakah ada cara baharu untuk menyelesaikan masalah kecurian air ini? Kalau di kawasan Darau, Sepanggar ada saya tidak tahu saya tidaklah menuduh ada kartel ataupun orang tertentu yang menebuk paip itu secara haram dan menjual air itu kepada rumah-rumah individu di kawasan situ. Saya ingat puluhan ribu atau belasan ribu rumah-rumah di situ yang dibekalkan dengan air yang hasil daripada curi ini. Jadi saya minta apakah Kerajaan ada mekanisme untuk menghalang kecurian air ini ataupun NR ataupun maksudnya ini bukan NRW. Ini adalah jelas dicuri. Kalau boleh kita halalkan pengambilan air itu tapi secara yang teratur.

Saya difahamkan di kawasan Kinarut ada mekanisme, iaitu di kawasan pelarian sana di mana ada syarikat ataupun agensi yang membeli air daripada Jabatan Air dan memasang paip ke rumah-rumah di situ dan dia *charge* kepada tiap rumah menggunakan kad ataupun secara bersistem dan mungkin ini juga mungkin sudah ada rancangan kerajaan, Jabatan Air Negeri Sabah, untuk mengatur di kawasan-kawasan setingan ataupun rumah khususnya di kawasan Menggatal, Inanam, Sepanggar keseluruhannya. Jadi, kalau ini dapat kita atasi, ertinya duit air itu tidak hilang begitu sahaja tapi dapat dikutip bayaran dan ini sudah tentu digunakan untuk memperbaiki perkhidmatan air.

Juga saya minta penjelasan daripada kementerian ataupun Jabatan Air, apakah program untuk menggantikan paip-paip yang usang? Saya melihat sudah ada peruntukan ini. Tahniah, di bawah peruntukan Jabatan Air ataupun Jabatan Kerja Raya, di bawah D33 Jabatan ah Kementerian Kerja Raya, iaitu penggantian untuk

mengurangkan kehilangan air RW ini sebanyak RM5.8 juta. Begitu juga penggantian paip-paip baru ah bernilai RM10 juta. Jadi ini juga usaha yang dibuat. Jadi ertinya Kerajaan Negeri ini tidaklah berdiam diri seperti yang dituduh selama ini. Saya tahu Kerajaan ini juga kita juga pemimpin yang bijak dan prihatin dengan masalah rakyat. Tapi sebagai wakil rakyat, saya menyuarakan masalah ini supaya Kerajaan juga lebih proaktif dan segera bertindak demi untuk kebaikan rakyat. Di Sindumin, ada satu loji air, iaitu dulunya milik SFI. SFI ini sudah gulung Datuk Speaker. Sudah tutup tapi di situ ada loji yang memang bagus berfungsi. Tapi sekarang ini ditutup oleh kerana SFI sudah gulung dan set ini diserahkan kepada Yayasan Sabah dan di situ sudah selama ini berfungsi. Cuma sekarang ini ditutup kerana tidak dibekalkan elektrik ke kawasan itu. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian cuma melihat perkara ini supaya loji itu kita ambil alih ataupun Jabatan Air ataupun Kementerian Kerja Raya ambil alih loji itu berunding dengan Yayasan Sabah. Kementerian pun, Yayasan Sabah pun di bawah Kerajaan juga supaya di *modified* sedikit supaya paip yang ada untuk kilang kertas yang dahulunya itu cuma disambung, *divert* kepada aliran utama bekalan air di daerah Sipitang dan ini menambah lagi *volume production* ataupun air ini untuk daerah Sipitang dan boleh menyelesaikan kekurangan bekalan air untuk daerah Sipitang.

Datuk Speaker, ada berbagai-bagai perkara yang perlu juga kita ambil perhatian di Negeri Sabah ini dimana rakyat begitu mengharap supaya tindakan segera dan seharusnya Jabatan Air dan juga itu Kementerian Kerajaan menyelesaikan masalah air ini secara keseluruhan. Contohnya, pengeluaran air kita swastakan, iaitu loji bukan loji, iaitu kilang ialah loji pengeluaran air tetapi loji air ini kita tidak kawal. Bila dia keluar daripada meter loji itu, itu terserah kepada Kerajaan Negeri. Pengeluar itu akan hantar bil mengikut bacaan yang keluar tetapi bila sudah keluar dia adalah menjadi tanggungjawab kita. Saya ingin mencadangkan bahawa yang sepatutnya diswastakan ialah sistem retikulasi, iaitu pemasangan paip itu ke kawasan-kawasan perumahan ataupun kawasan industri.

Kalau konsesi itu diberi kepada syarikat, saya ingat syarikat ini boleh kita bagi kepada ah GLC. Kita boleh kumpulkan ataupun kita aturkan semua loji-loji air di Sabah ini kita serah kepada GLC dan juga retikulasinya kepada syarikat. Bila ini dibuat, sebarang bil ataupun pemasangan paip-paip baru ke rumah wajib dan akan dipasang oleh konsesi ini. Kerana kalau dia tidak pasang, kalau dia tidak *collect bill*

mereka akan rugi. Tapi untuk yang ada sekarang, kaedah ini saya ingat ini menjadi masalah kepada Kerajaan Negeri kerana yang memproses air itu tahunya mengeluarkan air dan bil kepada Kerajaan. Saya ingat ini saya bukanlah menuduh tapi mungkin juga sebab itu air itu bocor empat lima hari tidak ada yang peduli tapi meter untuk pengeluaran air akan senantiasa bertambah. Jadi, ini juga akan membebankan Kerajaan.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Ya.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Lama lagi?

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Kalau Yang Berhormat Speaker suruh saya berhenti, saya berhentilah. Kalau tidak saya...

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Dua minitlah.

**Datuk Dr. Yusof bin Yacob [Sindumin]:** Okey, terima kasih. Jadi inilah kaedah kita. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk melihat konsesi ini kerana kita begitu menerima beban daripada penswastan air ini, iaitu pengeluaran air. Jadi sebaiknya kita kena kaji ini mungkin kita ada syarikat GLC yang berkemampuan. Ertinya kita beli air daripada syarikat milik Kerajaan Negeri dan duit itu keluar dan masuk balik kepada Kerajaan Negeri. Jadi masuk poket kiri, keluar poket kanan dan poket kanan masuk balik ke poket kiri. Jadi ertinya lebih efisien.

Datuk Speaker, itulah sebahagian daripada yang saya ingin tekankan. Nanti kita ada lagi yang lain. Sebagai penggulangan, saya rasa ini adalah perkara biasa untuk kita ada peruntukan tambahan dan kita berharap dengan peruntukan tambahan ini dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah di peringkat daerah dan juga kementerian-kementerian demi untuk kesejahteraan rakyat. Jadi ertinya peruntukan tambahan ini terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan kita bukan tidur. Saya ingat Menteri pun tidak tidur. Dia kerja kuat untuk memastikan kesejahteraan rakyat dan negeri ini terus berkembang. Saya mohon menyokong. Terima kasih Datuk Speaker.

**Timbalan Speaker [Datuk Richard Yong We Kong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sekong.

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan Sekong terlibat dalam perbahasan Rang Perbekalan Tambahan ini. Alhamdulillah rabbil alamin (baca surah).

Sidang Tuan Speaker dan sidang Dewan yang saya hormati, Allah pernah berfirman di dalam Al Quran dalam Surah As-Saff (baca surah)...

**8/8/2023 - RAKAMAN 18 [12:50 PAGI - 1:00 TENGAH HARI] - [GRACIA] - AZYATUL - NADA HAIFA**

**Tuan Alias bin Sani [Sekong]:** *La taf'alun, kabura maqtani 'indallahi an taqulu ma la taf'alun* (Bahasa Arab) Lebih kurang ertinya “Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu cakap namun kamu tidak buat.” Amat besar kemurkaan Allah kepada sesiapa yang bercakap tapi dia tidak perbuat. Menjadi peringatan kepada saya, rakan-rakan pembangkang yang ada di sini dan juga rakan-rakan Kerajaan yang dimuliakan sekalian.

Tuan Speaker, tahun 2021 jumlah perbekalan tambahan bagi Negeri Sabah adalah sebanyak Ringgit Malaysia 553 juta. Kemudian, perbekalan tambahan bagi negeri Sabah pada tahun 2022 pula adalah berjumlah RM688 juta. Kemudian meningkat pada tahun ini, cadangan kerajaan, iaitu sebanyak Ringgit Malaysia 833 juta dicadangkan bagi perbekalan tambahan.

*Point* yang akhir. Saya, Datuk Speaker, berkenaan tahap keselamatan Sandakan yang lemah. Sektor pelancongan di Sandakan berdasarkan. Saya rasanya ini yang poin yang tadi saya sebutlah. Saya harap Kerajaan walaupun tidak dapat jawab dalam gulungan, saya harap dalam sesi yang *black and white* atau jawapan surat. Terima kasih, Tuan Speaker, kasi peluang saya. Terima kasih menteri-menteri di depan saya dan SUT-SUT di depan saya. Saya harap kita kerja untuk rakyat Sandakan bukan untuk saya sendiri satu (1) orang sahaja. Masa depan Sandakan maju, kita pun maju. Sekian terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Elopura. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat daripada Segama.

**Datuk Mohammadin bin Ketapi [Segama]:** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Perbahasan daripada saya hari ini adalah pendek, singkat sahaja. Datuk Speaker, saya ingin menyentuh tentang peruntukan Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah yang saya fikirkan perlu diberi fokus tambahan memandangkan banyak permohonan tanah-tanah perkampungan untuk digazet di bawah Warta Perkampungan.

Saya mengambil contoh di kawasan Lahad Datu. Permohonan kampung di Sri Aman. Kampung ini telah diurus sejak tahun 1986. Waktu itu saya sudah menjadi wakil rakyat di Lahad Datu. Permohonan kampung di Sri Aman setelah sekian lama masih belum dapat apa-apa kelulusan kerana masih menunggu peruntukan untuk mengukur tanah. Proses pengukuran tanah-tanah untuk pewartaan kampung ini amat mendesak terutama di kawasan saya kerana melibatkan keselesaan penempatan rakyat.

Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan Negeri agar memberi perhatian lebih kepada peruntukan Jabatan Tanah dan Ukur tanpa menunggu peruntukan Persekutuan untuk kerja-kerja pengukuran.

YB Datuk Speaker, itu sahaja dan saya akhiri perbahasan saya dengan serangkap pantun.

Sidang DUN Sabah kali kedua,  
Kepentingan rakyat keutamaan kita.

Tambah bajet negeri, rakyat didukung,  
Demi rakyat Segama, mohon menyokong.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Segama. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat daripada Sri Tanjong.

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 2023 pada petang ini. Tuan Speaker, saya ingin memulakan ucapan saya dengan isu lapangan terbang di Tawau.

Baru-baru ini kerajaan telah melaporkan bahawa Sabah mencatatkan seramai 988,640 pelancong dari dalam dan luar negara bagi tempoh lima (5) bulan pertama tahun ini sehingga Mei. Meningkatkan kira-kira 77.1% berbanding 558,169 pelawat bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

Cadangan pemindahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu atau pun KKIA ke Kimanis bagi pendapat saya, satu perancangan yang baik. Namun ia bukan keperluan mendesak pada masa kini jika dibandingkan dengan keperluan yang dihadapi, dialami oleh Lapangan Terbang Tawau pada waktu ini. Lapangan Terbang Tawau mampu menampung kapasiti 1.4 juta penumpang dan ianya telah pun melebihi kapasitinya pada tahun 2018 iaitu hampir 1 juta orang.

Pada tahun 2019 pula, Lapangan Terbang Tawau telah merekodkan penerimaan penumpang seramai 2.4 juta. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat selari

dengan pembangunan di Kalimantan Timur. Perpindahan dan pembangunan ibu negara Indonesia yang baharu.

Saya berpendapat bahawa Lapangan Terbang Tawau sepatutnya dinaik taraf ke status Lapangan Terbang Antarabangsa sebelum KKIA dipindah ke Kimanis. Sepatutnya, lapangan terbang di Tawau harus dinaik taraf menjadi *International Airport* kerana Kalimantan akan menjadi ibu kota Indonesia nanti.

Ketika ini, pelbagai isu prasarana yang dihadapi oleh Lapangan Terbang Tawau sejak beberapa tahun yang lepas. Di pihak saya sendiri, saya menerima banyak aduan. Antaranya seperti kesesakan di ruang ketibaan antarabangsa di mana meskipun terdapat beberapa kaunter imigresen yang dibuka, namun hanya seorang pegawai yang ditugaskan untuk pengesahan pasport warga asing menyebabkan pelancong-pelancong antarabangsa yang terpaksa berhadapan dengan kesesakan kerana ruangan yang terhad dan mereka terpaksa berbaris sehingga berjam-jam lamanya terutamanya apabila terdapat beberapa pesawat yang tiba pada waktu yang sama. Manakala di ruang bahagian pelepasan pula, pelancong domestik termasuk antarabangsa terpaksa berdiri lama sambil menunggu waktu berlepas berikutan ruang menunggu yang kecil dan kemudahan kerusi yang sudah tidak mencukupi untuk menampung kapasiti penumpang.

Situasi sebegini sudah pasti meninggalkan satu (1) tanggapan ataupun persepsi serta imej yang tidak baik terhadap pelancong yang datang ke Sabah. Malah selepas tiba di Sabah dan keluar daripada lapangan terbang, kemudahan pengangkutan awam seperti bas, teksi, khususnya perkhidmatan *e-hailing* di beberapa lapangan terbang di Sabah adalah amat terhad. Baru-baru ini kita dikejutkan...

**8/8/2023 - RAKAMAN 25 [2:00 PETANG – 2:10 PETANG] - [KHAIRUL] - NADIA - MASLIJAN**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjung]:** ...dengan pelancong dari Korea di mana tengah malam selepas mereka tiba di lapangan terbang *airport* tiada pula *e-hailing*, teksi untuk membawa mereka ke hotel masing-masing dan mereka terpaksa ke kaunter teksi, *airport taxi* tetapi mereka perlu menggunakan wang ringgit untuk

membayar sedangkan mereka baru sahaja tiba dan kebanyakan warga pelancong dari luar negara mungkin tidak mempunyai wang ringgit. Ini akan menyusahkan pelancong khususnya dari luar negara.

Jadi di sini saya ingin mencadangkan supaya sebelum sebarang *proposal* untuk memindah Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ke tempat yang lagi jauh. Sepatutnya kementerian harus merancang supaya *public transport* yang sedia ada mesti mencukupi dan selalu *standby* dan bukan sampai tengah malam tidak juga ada kenderaan untuk datang ke bandar.

Datuk Speaker, saya difahamkan juga bahawa perancangan masa hadapan semua lapangan terbang di Sabah akan ditentukan selepas kajian *National Airport Strategic Plan* ataupun *NASP* yang dijangka dimuktamadkan pada September tahun ini. Justeru, melihat kepada keperluan mendesak yang dihadapi oleh lapangan terbang di Tawau, saya berharap agar Kementerian Pelancongan dan juga Kerajaan Sabah boleh mempercepatkan ataupun mengesyorkan kepada pihak kementerian di pusat untuk mempercepatkan supaya penaiktarafan lapangan terbang tahun ini dapat dilaksanakan.

Datuk Speaker, isu kedua yang ingin saya utarakan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan penjualan air. Beberapa bulan kebelakangan ini berkenaan dengan penjualan air seperti yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini, saya tidak nampak ada sebarang pampasan yang dibuat oleh yang diperuntukan oleh Kerajaan Sabah bagi para pengguna dalam tempoh dua tiga bulan ini yang terpaksa menanggung kos *additional cost* untuk membeli air dari pihak swasta. Sepanjang krisis bekalan air ini, pengguna terpaksa mendapat bekalan dengan cara membeli daripada pihak swasta bahkan *charge* yang dikenakan oleh pihak swasta adalah terlampau mahal dan agak keterlaluan. Situasi ini amat membebankan para pengguna khususnya golongan-golongan kurang berkemampuan yang terpaksa mengeluarkan duit pendapatan mereka hanya untuk mendapatkan keperluan asas, iaitu bekalan air bersih.

Saya berpendapat bahawa pihak Kerajaan Negeri sekurang-kurangnya perlu memberi pampasan kepada pengguna dengan cara mengetepikan ataupun *weaves charge bill* air selama setahun demi membela nasib para pengguna yang terpaksa

mengorbankan duit pendapatan mereka sepanjang krisis bekalan air tersebut. Saya difahamkan juga ada terdapat beberapa situasi di mana *charge* yang dikenakan untuk mendapat bekalan air mencecah sehingga ratusan ringgit untuk satu sesi atau satu *trip* setiap bulan. Justeru, saya mencadang juga pihak Jabatan Air dapat meneruskan inisiatif untuk membuat penghantaran bekalan air secara terus kepada pengguna di kawasan-kawasan yang terjejas dan *charge* penghantaran sepatutnya di *charge* dan ditanggung oleh Jabatan Air tanpa membebankan para pengguna.

Datuk Speaker, isu ketiga yang ingin saya utarakan di sini ialah berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh Menteri Kewangan di mana beliau mengatakan jalan dalam *estate* itu sepatutnya dibaiki ataupun diselenggara oleh pemilik-pemilik kebun. Tetapi, disini saya ingin *reiterate* di mana jalan yang saya sebut dalam soalan saya adalah jalan yang *access route* memasuki ke jalan *estate*. Sebenarnya Kerajaan harus faham kebun-kebum di seluruh Sabah ni mereka selepas keluar daripada kebun mereka, mereka akan menggunakan jalan Kerajaan.

Jadi disini saya jalan yang dimaksudkan oleh saya adalah jalan Kerajaan yang berstatus teruk. Saya bagi contoh di Tawau, Sungai Burung dan Bukit Tajam, keadaan itu memang sangat menyedihkan. Sampai ada lori *stuck* berjam-jam di sana kerana lubang terlalu besar. Jadi saya disini kalau Kerajaan mengenakan *charge* cukai jalan sebanyak 7.5% ini dan Kerajaan mendapat *revenue* yang begitu besar daripada *industrial* sebegini, sepatutnya jalan-jalan seperti jalan utama masuk ke kebun harus di selalu diselenggara supaya industri ini boleh terus maju dan tidak perlu menanggung kos *additional cost* yang terpaksa mereka tanggung.

Jika Menteri tidak percaya dengan ucapan saya, saya disini juga boleh menjemput Menteri untuk melawat kedua-dua tempat yang saya sebutkan tadi di Tawau, iaitu Sungai Burung dan Bukit Tajam dan Menteri sendiri boleh lihat bagaimana susah kita punya *industrial player*, kita punya penyumbang cukai kepada Kerajaan Sabah sehingga tadi Kerajaan telahpun mengumumkan selama lima tahun telahpun mengutip sebanyak enam bilion ringgit. Harus kita beri satu persepsi bahawa Kerajaan yang sedia ada adalah profesional, adalah memahami kesusahan rakyat dan saya berharap juga Menteri boleh *re-considered* balik jika peruntukan untuk menurap jalan-jalan hanya 80 juta hingga 90 juta itu tidak sampai 10% daripada



kutipan yang didapat oleh Kerajaan Sabah. Jadi haruslah Kerajaan Sabah menambahkan peruntukan itu untuk menyelenggara jalan-jalan access ke kebun.

Datuk Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya juga ingin *would like to remind our government of today* kerana tahun lalu Kerajaan Sabah yang diketuai oleh Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji telah pun mengumumkan peruntukan sebanyak sepuluh juta ringgit untuk mangsa Kampung Kunak Jaya di Jalan Apas. Tetapi, sehingga hari ini mangsa Kampung Kunak Jaya masih tidak mendapat peruntukan tersebut, pampasan tersebut. Kedua, mereka masih tidak mempunyai penginapan yang tetap. Mereka terpaksa menginap di rumah saudara ataupun kawan dan sudah lebih setahun mereka tidak masih tidak dapat sebarang pampasan dari Kerajaan.

Jadi disini saya ingin mengingatkan supaya pihak kementerian yang berkenaan mengambil tindakan secepat mungkin supaya orang kampung di Kunak Jaya, mereka juga orang Malaysia dapat pampasan tersebut...

**8/8/2023- RAKAMAN 26 [2:10 PETANG – 2:20 PETANG] - [SALEHA] - AZYATUL - AHMAD FAZLY**

**Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]:** Secepat mungkin. Itulah ucapan saya setakat ini. Terima kasih Tuan Speaker dan syabas, tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Speaker. Terima kasih.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Tanjong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat daripada Bugaya.

**Tuan Haji Jamil bin Datuk Haji Hamzah [Bugaya]:** (betulkan suara). Bismilahirrahmanirrahim, Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Segala puji dan juga syukur ke hadrat Allah SWT limpah rahmat dan kurnia-Nya dan selawat dan salam tidak dilupa disampaikan kepada junjungan nabi besar kita Nabi Muhammad SAW.

Terima kasih Datuk Speaker. Tahniah atas pelantikan sebagai Timbalan Speaker, Datuk Speaker. Alhamdulillah dan saya mengucapkan terima kasih atas peluang

yang diberikan untuk membahas Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan 2023 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Datuk Speaker, pertamanya izinkan saya, juga mengucapkan terima kasih atas peluang, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas pada hari ini. Datuk Speaker, kita di Negeri Sabah ini merupakan satu wilayah yang kaya dengan hasil buminya dan kalau kita lihat kita masih lagi jauh ketinggalan daripada rakan-rakan kita yang ada di Tanah Semenanjung. Namun begitu, potensi Negeri Sabah ini sememangnya besar dan kita boleh menggunakan potensi ini untuk meningkatkan lagi kemampuan negeri kita ini. Masalah kemiskinan dan juga terutamanya isu yang begitu hangat diperbincangkan sekarang ini, berkaitan dengan masalah air ini yang sudah menjadi bualan dan juga menjadi viral di mana-mana. Tidak lain dan tidak bukan mungkin atas kelemahan kita sendiri sebagai pelaksana dan juga yang mentadbir.

Walau bagaimanapun, saya berharap dengan perbelanjaan tambahan yang ada ini, kalau kita perhatikan banyak peruntukan seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan peruntukan untuk air. Jadi, diharap kali ini masalah air ini kita harap dapat diselesaikan.

Datuk Speaker, peruntukan yang banyak yang disalurkan kepada Jabatan Air ini, ya saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri ataupun bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, yang mana peruntukan tersebut, adakah peruntukan tersebut juga termasuk untuk menaikkan kita punya elaun-elaun kepada kita punya pegawai-pegawai ataupun menambah jumlah petugas-petugas di Jabatan Air. Sebagai contoh, di daerah saya sendiri di Semporna. Saya dimaklumkan oleh pegawai di sana, pegawai cuma ada lebih kurang lima orang untuk mahu mengawal satu daerah Semporna untuk menyelesaikan masalah air. Jadi, saya rasa jumlah tersebut adalah sedikit. Begitu juga dengan lori air. Lori air yang ada di daerah Semporna ini hanya satu untuk menghantar air.

Jadi, keluasan kawasan-kawasan kampung yang ada di Semporna tidak mampu untuk ditampung oleh lori air yang ada di daerah Semporna. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah peruntukan tambahan pada kali ini akan memasukkan juga penambahan tenaga kerja dan juga jentera-jentera

seperti lori ini. Ya, ditambah kepada daerah Semporna untuk membolehkan perkhidmatan air ini dapat disampaikan kepada semua rakyat yang ada di daerah Semporna. Khususnya di daerah, di DUN saya, DUN Bangau-Bangau. DUN Bugaya.

Datuk Speaker, saya juga ingin memohon penjelasan, bertanya. Terutamanya kepada menteri kita juga, ya. Selain daripada masalah air ini ya, kita juga mengalami masalah elektrik. Terutamanya, di kawasan saya juga seperti di Kampung Simunul, Kampung Bugaya, di Kampung Lihak-Lihak seringkali putus bekalan elektrik. Jadi, bekalan elektrik ini bukan satu isu yang baru. Sudah lama dan adakah juga, ya, peruntukan saya tidak nampak dalam bajet kita ini ada di peruntukan untuk masalah elektrik kan. Jadi mohon juga penjelasan mungkin ada yang di bahagian-bahagian mana. Mohon dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri, sekiranya ada.

Selain daripada itu juga, saya juga ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri kalau boleh ya, tambah-tambahlah ya, perkhidmatan apa ini, jumlah-jumlah kita punya pegawai-pegawai yang ada di daerah. Terutamanya untuk menyelesaikan masalah-masalah air dan juga elektrik yang ada di daerah Semporna ini.

Datuk Speaker, saya ingin meminta kepada Kerajaan yang sedia ada agar untuk tidak memilih kasih untuk melihat yang mana-mana kawasan dan kalau kita perhatikan dalam kawasan-kawasan yang diberi keutamaan oleh saya tidak pasti agensi yang mana. Tapi, kalau elektrik ada yang dibagi keutamaan, yang sana saja yang dihidupkan terutamanya di bandar. Tapi, kalau yang di kampung terutamanya yang dihujung-hujung sekali itu macam di anak tirikan, kan. Ini suara-suara daripada rakyat yang menyampaikan kepada saya, saya sampaikan kepada pihak Kerajaan pada hari ini, dan suka juga saya untuk memperingatkan kepada, kepada kita terutamanya Jemaah-jemaah Menteri dan begitu juga kepada pimpinan Kerajaan Negeri, ya. Janganlah kita melihat golongan-golongan yang terpinggir ini, kita tidak beri perhatian.

Saya ingin memetik ya, ayat al-Quran yang mana firman Allah SWT berkaitan tentang isu ini ya. Daripada, daripada surah al-Maidah ayat 8 yang mana saya bacakan maksudnya "*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua*

*sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap suatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa jua, kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”, shadaqallahul adzim.*

Datuk Speaker, dengan membacakan ayat al-Quran tadi saya rasa saya menutup saya punya perbahasan pada petang ini. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Mohon menyokong.

**Timbalan Speaker [Datuk Haji Al Hambra bin Tun Haji Juhar]:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Bugaya. Dengan itu tamat sudahlah perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan nama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih Tuan Speaker, pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih di atas sambutan dan juga *respond* daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak kira yang menyokong kerajaan mahupun membangkang. Saya ingin rakamkan penghargaan dan terima kasih.

**8/8/2023 - RAKAMAN 27 [2:20 PAGI - 2:30 PAGI] - [HASTRINA] - SITI JUBAIDAH - NADA HAIFA**

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** ...dan terima kasih. Hampir keseluruhan apa yang dinyatakan adalah positif sesuatu yang kita boleh belajar. Sesuatu yang kita boleh ambil sebagai asas bagi kita untuk memperbaiki prestasi perkhidmatan kerajaan.

Saya akan menjawab beberapa soalan yang secara langsung ada kaitan dengan Kementerian Kewangan dan kami telah memutuskan bahawa persoalan yang ada

kaitan langsung dengan kementerian-kementerian. Kementerian yang berkenaan akan memberi jawapan-jawapan secara bertulis.

Jadi ini akan memastikan semua pertanyaan dan juga pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian tadi akan dapat jawapan daripada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Pertamanya, saya pergi kepada persoalan yang dikemukakan oleh ah siapa tu Yang Berhormat daripada Senallang mengenai mengapa kita perlu, apa ni...apa tu membeli...membelanjakan RM10 juta untuk ke RM9 atau RM10 juta untuk membeli tanah. Sebenarnya dia ada kaitan dengan projek...apa ni...peningkatan pengeluaran air atau lebih dikenali sebagai Projek Telibong 2. Telibong 2 ini, sedikit sebanyak terlambat pelaksanaannya kerana menunggu, apa ni, ah pemasangan apa tu pembinaan ah jajaran pembinaan Pan Borneo.

Jadi apabila masanya, bagi kita untuk memasang paip kita melalui beberapa kawasan tanah yang dimiliki oleh persendirian. Di sinilah letaknya dan kenapa kita menggunakan peruntukan 9 atau 10 juta tersebut. Malah kita harus berterima kasih kepada Projek Pan Borneo ini, kerana ini dapat mengurangkan kos pengambilan tanah sebenarnya. Kerana apabila Pan Borneo ini, apa ni...apa itu...dilaksanakan secara tidak langsung tanah-tanah persendirian telah pun diambil alih, dan membenarkan kita untuk memasang paip sepanjang tepi jalan raya yang digunakan tetapi bukan semuanya. Tapi ada tanah-tanah tertentu yang terpaksa kita beli dan inilah kenapa peruntukan itu terpaksa dikeluarkan. Kita harapkan apabila siap nanti kapasiti pengeluaran air di Telibong akan berlipat ganda ya.

Kedua, saya ambil perhatian bahawa atau saranan dan peringatan sebenarnya mengenai perlunya bagi kita untuk mengawal harga-harga agar tidak ada ketirisan dalam kewangan kerajaan yang disalurkan kepada kementerian atau jabatan-jabatan tertentu. Untuk pengetahuan semua kementerian mahupun jabatan mempunyai telah pun menubuhkan satu jawatankuasa ya pemantau. Dari Kementerian Kewangan yang memulakan di mana kita akan berusaha untuk memantau bukan sahaja penggunaan kewangan tetapi juga perjalanan semua kementerian yang terlibat.

Saya menyambut baik saranan yang telah dibuat mengenai perladangan atau kemudahan yang ada di apa ini ladang-ladang kelapa sawit. Dan ini telah dibangkitkan bukan sahaja oleh Senallang tetapi juga daripada Sri Tanjong. Sri Tanjong mengatakan bahawa oleh kerana dia menyumbang begitu banyak hasil kepada Kerajaan Negeri, sepatutnya kita Kerajaan Negeri memperbaiki beberapa infrastruktur tertentu seperti jalan. Saya dan Sri Tanjong tadi memperbetulkan dan apa yang dia maknakan bukanlah jalan dalam estet tetapi jalan yang menuju ke estet atau jalan utama yang dimiliki oleh kerajaan.

Ini Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada di sini, dan saya pasti mana-mana jalan raya milik JKR itu memang tanggungjawab kita. Dan usaha akan dibuat untuk pastikan apa pun kita sentiasa bersedia untuk memastikan jalan raya tersebut dapat diperbaiki dan mana yang perlu dan dipertingkatkan kualitinya bila perlu dan bila kita mempunyai kewangan yang cukup.

Kadamaian, Ahli Yang Berhormat dari Kadamaian, terima kasih kerana bercakap apa tu memberi peringatan sekali lagi bagi perlunya bagi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri bekerjasama. Dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat daripada Kadamaian, Menteri Perindustrian dan Keusahawanan akan menyatakan telah memaklumkan bahawa beliau sedang menyediakan satu kertas kabinet untuk di apa itu dibentang dalam Mesyuarat Kabinet akan datang bagi pembentukan satu jawatankuasa penyelarasan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai semua apa ni usaha dan juga inisiatif yang di apa tu disalurkan oleh Kerajaan Pusat bagi memudahkan pelaksanaannya di Sabah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, Tabung Amanah Pendidikan masih berbaki, kalau saya tidak, minta maaf tadi saya salah cakap bukan RM40 juta RM31.6 juta ya. Jadi dia masih ada bakilah. Dan mengenai saranan beliau agar kita beri tumpuan kepada memberi peluang kepada khususnya anak-anak di bawah B40 yang cemerlang. Sukacita juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah apa tu telah membuat satu dasar baharu bahawa kita akan apa itu mempertimbangkan permohonan ini tiga kali dalam satu tahun. Erti dia kepada mereka yang tidak dapat dalam fasa pertama boleh merayu kepada fasa kedua dan seterusnya. Dan memanglah usaha kita ialah mana-mana anak-anak kita yang cemerlang sudah

pasti kita beri peluang kepada mereka mendapat biasiswa atau sekurang-kurangnya dermasiswa daripada Kerajaan Negeri.

Dan kerana itulah, pada belanjawan tambahan yang telah saya bentangkan tadi kita ada RM46 juta ringgit khusus untuk pelajaran kerana menampung keperluan anak-anak kita yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Dan percayalah, insya-Allah salah satu daripada pelaburan yang Kerajaan Negeri fikir amat kita titik beratkan ialah pelaburan kepada pendidikan anak-anak kita. Dan inilah masa depan kita, masa depan Sabah dan masa depan untuk membangun negeri Sabah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada Kadamaian juga, kita masih menghantar pelajar-pelajar cemerlang ke luar negeri. Malah ada empat bidang kalau saya tidak silap ya, Yang Berhormat daripada Exco Pendidikan akan boleh menjelaskan secara bertulis dengan lebih lanjut yang kita masih menghantar kepada pelajar cemerlang kita ke luar negerilah. Tidak ada, apa tu kita tidak pernah menyekat pelajar-pelajar cemerlang dalam beberapa bidang tertentu untuk dihantar ke luar negeri kerana kita tahu institusi pendidikan di luar negeri beberapa yang tersohor adalah mereka yang memang terkenal sebagai apa ini universiti yang dapat mengeluarkan apa tu, pelajar atau graduan yang sukar ditandingi di tempat-tempat lain dan ini kita akan teruskan.

Tetapi oleh kerana universiti-universiti tempatan juga sudah dapat meningkatkan kemampuan mereka untuk mengeluarkan graduan buat masa ini untuk mengurangkan kos perbelanjaan kita lebih kalau boleh mana yang boleh dan sekiranya itu bersesuaian dengan pencapaian pelajar kita, kita akan bagi pe...apa...apa itu...hantar mereka di institusi IPT-IPT tempatan.

Dan cadangan untuk menginstitusikan JKK itu juga saya ingat satu cadangan. Dan saya fikir ini saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan juga Timbalan Ketua Menteri untuk melihat bagaimana ordinan ini boleh diubah suai untuk memastikan institusi-institusi JKK ini tidak sering bertukar bertukar dari semasa ke semasa ya. JPKKlah macam-macamlah erti dia. JKK itu milik Kerajaan Negeri dan kita tidak boleh tambah tokok selain daripada JKK yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Kementerian Luar Bandar.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Luar Bandar, saya minta maaf. Ini JKK di Luar Bandar. Ini, di sebelah saya ini.

**8/8/2023 - RAKAMAN 29 [2.40 PETANG - 2.50 PETANG] - [MARIA] - MOHELENA - AHMAD FAZLY**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** ...*important necessity*. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Ah, penambahan kewangan ini, kita nak fokus sama ada tanah yang diperuntukkan untuk RM10 juta. Bagaimana, kampung-kampung, contoh macam di Beaufort. Beaufort *is another factor*. Kita bina di situ loji, RM200 juta lebih itu loji itu. *But it doesn't function, going into* Kimanis ke *certain-certain places* yang ada. Terima kasih banyak.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** ...lang. Per per peruntukan untuk pengambilan tanah itu ialah membolehkan *alignment* paip itu dibuat. Kalau *alignment* itu tidak ada, paip kita tidak boleh pasang. Kalau kita tidak boleh pasang, orang tidak dapat air. Begitu bah itu. Ah, jadi inilah dia punya apa apa penjelasanlah yang (ayat kurang jelas). (ayat kurang jelas) *In fact*, kalau perkiraan sebelum Pan Borneo (ayat kurang jelas) Pan Borneo dulu, *we are talking about 9 to over million*, ya. *99 million*. Tapi oleh kerana, Pan Borneo apa itu, terlebih dahulu ambil alih kawasan tersebut, kita dapat menjimatkan duit itulah, ya. *And I*, saya ambil kira, saya kira ah Yang Berhormat, saya punya kampung pun masih *gravity water and so far* saya masih sihatlah, alhamdulillah.

Ah, saya teruskan. Ah, Tanjung Aru bercakap pasal apa itu, ADUN Tanjung Aru, saya tahu ini adalah salah satu daripada *favourite topic* beliau. Ini pasal ini apa itu Rumah Pangsa Tanjung Arulah dan beliau bertanya sama ada peruntukan dapat diberi oleh Kementerian Kewangan untuk membolehkan apa ini, ah pembaikan supaya selamat rumah-rumah pangsa, rumah pangsa tersebut. Rumah pangsa tersebut ada sekarang di bawah LPPB ya, LPPB. Dan LPPB bertanggungjawab sepenuhnya untuk memperbaiki kalau dia fikir itu perlu. Dan kalau dia, dia dia tidak dia memikirkan dia perlu mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan, terserah



kepada Kementerian Pembangun... Kerajaan Tempatan dan Perumahanlah untuk untuk meme... memperakui memperakui kepada Kerajaan Negeri lah.

Kepayan, terima kasih. Dia lebih banyak berkisar kepada pemer aya...

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri tentang tadi Tanjung Aru. Saya ingin nak tanya sikit tentang Tanjung Aru ini pasal saya berkesempatan berkunjung di kawasan itu. Perumahan, contohnya, baik pulih, alhamdulillah kalau dibaik pulih itu di antara asas. Saya difahamkan untuk memindahkan mereka, ya, di antara asas. Saya tahu ada tempoh perjanjian di antara penghuni dengan juga pihak Kerajaan yang ada. Cuma saya, melihat bila asasnya disebutkan tentang perkara ini. Pertama, *it's not safe to occupied the building and because of the building is been there*. Saya melihat, saya sendiri tengok, ya, di perumahan itu, Datuk Speaker. Saya pun pernah jadi Timbalan Menteri Perumahan di (ayat kurang jelas). *Where we can repair, where we can improvise*. Boleh, bukan tidak boleh. Tetapi saya melihat bahawa bila mana pihak saya dengar bahawa mereka ini akan di ah dikeluarkan, ya. Dikeluarkan untuk membolehkan pasal itu di antara perjanjian apakah, ya, saya faham. Kalau ada seumpama itu, cuma kita ini rakyat kita, ya. Mereka ada anak, mereka sekolah di situ, saya faham, dia mengambil masa *but* selaku Kerajaan yang kita katakan prihatin, Madani, rakyat yang kita prihatin. *Can we provide alternative side locations for them?* Yang mana membolehkan dipindah. Saya tahu mungkin tanah itu *very valueable*, nilai dia tinggi, Tanjung Aru, saya pun pernah tinggal. Saya ingat Yang Berhormat pun kita dulu pun Pegawai Kerajaan tinggal di Jalan Selangor itu, *for years, 19 er 80s 70s*. Tapi saya melihat apakah pihak Kerajaan telah pun memutuskan sama ada untuk mereka ini tidak berada di situ atau pun langkah untuk baik pulih supaya selamat ditinggal? Tapi kalau pun ada langkah pihak Kerajaan, saya mencadangkan kalau ada langkah ya, perlu ada alternatif. Jangan halau, ini anak-anak kita Sabah ini. Orang bukan, ini bukan bukan daripada luar. Jadi, saya berharap semua pihak Kerajaan, ah *there must be some, that's why I said very, you know*, pentadbiran, pengurusan yang kita mahu supaya dia Sabah Maju Jaya. Jadi rakyat itu kena dibantu dengan secara baik, bukan menghalau, bukan bagi (ayat kurang jelas), tempoh sudah ada, kamu keluar. Kita kena lihat, anak dia pergi sekolah besok ini. Nak pindah sekolah, satu bab. Isteri dia kerja sini, nak pindah pindah kerja dia. *We have to be mindful putting the shoes on them*. Macam mana perasaan, macam mana masalah yang mereka hadapi? Terima kasih banyak.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih. Kita ambil maklum dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Senallang tapi sebenarnya *clarification* telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan mereka sebenarnya tidak ada niat untuk menghalau. Apa yang dibuat adalah *census* untuk memastikan yang tidak layak beri peluang kepada yang layak untuk tinggal di situ kerana kadang-kadang, semua kita tahu dan ini berlaku di mana-mana termasuk di rumah PPR. Kadang-kadang, masuk rumah PPR tapi dia bukan tinggal di sana, dia kasih sewa sama orang lain dan ini, satu proses pentadbiran yang saya fikir akan dibuat oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Terima kasih.

Ah, tadi saya sambung mengenai Yang Berhormat Kepayan. Terima kasih kerana sekali lagi bercakap mengenai pemerksaan apa itu, badan-badan berkuasa tempatanlah dan saya fikir ini akan diambil apa itu, secara spesifiknya jawapan akan diberi oleh Menteri apa itu Kerajaan Tempatan dan Perumahan secara bertulis, ya.

Segama, ucapan yang paling pendek tapi padatlah, terima kasih. Dia cuma minta agar peruntukan diberi kepada yang lebih kepada Jabatan Tanah dan Ukur untuk tujuan penyukatan tanah di luar bandar khususnya. Ah, ini saya mahu kita setuju, saya fikir, ya.

Sri Tanjong, pertamanya saya setuju ya bahawa apa itu *Airport* Tawau itu perlu apa itu di di dipertingkatkan kerana dia ada sudah *direct flight* daripada Kuala Lumpur, ya dan apa itu penumpang pun ramai dan betullah apa yang dinyatakan beliau. Oleh kerana itulah Kerajaan apa itu, Kerajaan Negeri sendiri telah sedikit mengubahsuai dasar kita supaya respon kepada apa itu er... pengalihan Ibu Negara Indonesia ke Kalimantan yakni, apa yang kita perlu buat ialah untuk memperbaiki prasarana dan juga prasarana utama di Tawau dan biarlah Tawau itu sendiri kerana dia ada sudah *port*, dia ada sudah *airport*. Apa yang kita perlu ialah memperbaiki prasarana tersebut untuk mendapat limpahan ekonomi yang lebih baik daripada pengalihan *relocation* ah Ibu Negara Indonesia ke Kalimantanlah.

Kedua, saya sudah nyatakan tadi, ah Yang Berhormat daripada Sri Tanjong menyatakan apa yang beliau maklum ah apa itu nyatakan ialah ah jalan milik JKR. Ah, ini saya sudah maklumkan kepada apa itu ah Menteri JKR sendiri bahawa kita

akan berusaha untuk ah apa itu sekurang-kurangnya memperbaiki khidmat JKR kita untuk memperbaiki jalan utama yang merupakan jalan yang di bawah kelolaan JKR, ya.

Bugaya, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Bugaya, ah baru-baru ini kita telah sebenarnya saya baru menandatangani waran peruntukan bagi pewujudan lebih ramai apa yang dipanggil sebagai PSH-Pekerja Sambilan Harian dan ini adalah untuk merekrut lebih ramai kakitangan dan dia akan ditempatkan antara lainlah. Kita faham ini, salah satu daripada yang paling tidak banyak (sebutan kurang jelas) apa itu kekurangan staf dari JKR apa itu dari Jabatan Air. Kita harapkanlah sebahagian daripada staf atau yang direkrut ini akan ditempatkan di Jabatan tersebut. Insya-Allah. Jadi, barangkali itulah yang saya boleh simpulkan ah apa ini ah kalau ada perkara-perkara yang saya gagal atau pun lupa bagi respon, tolong *WhatsApp* kepada saya, insya-Allah saya akan menjawab secara bertulislah. Dan kepada isu-isu yang dibangkitkan yang lebih spesifik kepada semua Kementerian, mereka akan menjawabnya secara bertulis juga.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Ada sedikit tambahan Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan izin. Tadi, Yang Berhormat nyatakan bahawa Lapangan Terbang Tawau akan dipastikan supaya ya dan ah saya minta kerjasama daripada pihak ah Yang Berhormat Menteri, kalau boleh. Pasal bila saya buat lawatan kekadang itu nak pergi tandas pun tidak ada air. Pelancong banyak. Dua minggu yang lalu, saya naik AirAsia, kadang-kadang *miss flight* dia tiket pun tidak cukup. *So I have to call Tony Fernandes and I say increase the flight, you know.* Jangan biarkan, *because tourism is very important to Sabah.* Lepas itu, bila saya turun saja nak pergi tandas ini, tandas pun...

**8/8/2023 - RAKAMAN 30 [2:50 PETANG - 3:00 PETANG] - [SAFWAN] - DARRYL - NADA HAIFA**

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Tiada air, Datuk Speaker. Bimbang saya *the* pelancong-pelancong, pasal pelancong ini juga satu bukan hanya pelancong.

**Tuan Speaker:** Tiada air, tidak boleh buang airlah.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]:** Ya, itulah. Bukan, bukan, buang, buang air itu boleh tapi cucinya itu susah. Terkadang itu kalau yang kecil kalau yang besar, berat. Jadi kita macam mana, takkan kita, bukan kita biasakan jadi minta kerjasama daripada pihak supaya *the hotspot area* dengan izin, *where tourism are there*. Tawau *because* sebahagian besar daripada pelancong yang datang, sebahagiannya ke pantai timur ya, banding dengan Sandakan, banding dengan tempat-tempat lain.

Dan saya dapati bahawa kemudahan asas bukan setakat itu, saya pun sudah berhubung dengan apa nama Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Anthony Loke, supaya sistem pengangkutan yang ada. Kadang itu ada bila situ baris 20 orang. *Lets say* tanya pasal apa, tunggu penumpang, bukan teksi, kereta sapu, *Uber* macam-macam. So saya bagi tahu Anthony Lok, *you must issue licence to these people, to legalize it, I don't want it to be illegal kind of things*, nanti pihak berkuasa polis juga menjadi, *so it must be a very comprehensive*.

Kalau kita mengatasi masalah contoh *upgrade the airport*. Yang Berhormat pun biasalah kita belajar luar negara, *you know look into all the aspect*, bukan hanya airnya bukan hanya dari segi kemudahan pengangkutan, dari segi kemudahan keselesaan. Kadang-kadang itu, saya nampak restorannya pun *you know, of course this is* ada bermusim dia. Cuma saya dapati bahawa perlunya bagi kita untuk meningkatkan lapangan-lapangan terbang, contoh macam di Sandakan. *We fight for the Sandakan Airport* sampai *the late* Stephen Wong, saya sendiri berjumpa dengan Lim Guan Eng masa dia Menteri Kewangan, saya bagi tahu kenapa tak bagi *Airport* Sandakan? Bukan hanya *runaway* dia, *extend the runaway* supaya kapal terbang, bukan hanya 737 mungkin A320 ataupun 747 yang ada masa yang akan datang boleh mendarat. Terima kasih banyak, Datuk Seri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Terima kasih, Yang Berhormat daripada Senallang. Itulah saya punya saranan saya ingat, sesuatu yang menyokong usaha kita bersama untuk memajukan khusus... khususnya *Regional Airport* lah ya. Ini sesuatu yang sebenarnya melihat ke hadapan dan tidak menumpukan perhatian kita kepada cuma di apa itu bandar raya dan sebagainya lah ya. Jadi Yang Tuan... Datuk Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk

mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Saya fikir saya beruntung kerana mendapat sokongan yang cukup baik dan kita ambil perhatian sehinggalah saranan kritik membina yang di... diberi dan lebih daripada itu ialah persahabatan dan kesatuan kita sebagai orang-orang Sabahlah. Datuk Speaker, sekian begitu.

**Tuan Speaker:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'bersetuju',  
Yang tidak bersetuju katakan 'tidak',  
Lebih suara yang bersetuju,  
Usul dipersetujukan.

**Setiausaha Dewan:** Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri, peringkat jawatankuasa bila?

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Hari ni, Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Biarlah kita cadangkan.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa dewan ini hendaklah dengan segera dijadikan sebuah jawatankuasa bagi menimbang, menimbangkan Rang Undang-Undang itu.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah bahawa Dewan ini hendaklah dengan segera dijadikan sebagai jawatankuasa bagi menimbangkan Rang Undang-Undang itu. Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara yang bersetuju, usul dipersetujukan. Bentara.

Ringkasan jumlah anggaran-anggaran ada dinyatakan dalam kertas-kertas CMD 1 Tahun 2023 dan CMD 2 Tahun 2023.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah wang yang disebutkan bagi kepala-kepala perbelanjaan yang dinyatakan dalam ringkasan jumlah sebagai mana terkandung di dalam kertas CMD 1 Tahun 2023 dan CMD 2 Tahun 2023 dijadikan sebahagian daripada anggaran-anggaran perbelanjaan bagi Tahun 2023. Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara bersetuju, usul dipersetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ialah wang sejumlah 833,019,462 Ringgit hendaklah diberikan kepada kerajaan di bawah kepala-kepala perbelanjaan bagi perkhidmatan awam yang dinyatakan di dalam anggaran-anggaran perbelanjaan tambahan bagi tahun 2023 seperti yang terkandung dalam kertas CMD 1 Tahun 2023 dan CMD 2 Tahun 2023. Ahli-ahli yang bersetuju katakan bersetuju, yang tidak bersetuju katakan tidak. Lebih suara bersetuju, usul dipersetujukan. Tetap itu hendaklah dilaporkan balik ke dewan, Bentara, silakan. Yang Berhormat Menteri silakan.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Tuan Speaker, Saya mohon melaporkan bahawa undang-undang itu telah dipertimbangkan dalam peringkat jawatankuasa dan telah diputuskan dengan tidak ada pindaan.

**Setiausaha Dewan:** Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2023) 2023 bacaan ketiga.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu seterusnya dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang itu dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'bersetuju',  
Yang tidak bersetuju katakan 'tidak',  
Lebih suara yang bersetuju,  
Usul dipersetujukan.

**Setiausaha Dewan:** Enakmen Perbekalan Tambahan (2023) 2023 Usul Anggaran Tambahan Perbelanjaan (Perbekalan) 2023 dan Penyata Tambahan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kewangan [Datuk Seri Panglima Haji Masidi bin Manjun]:** Tuan Speaker, saya memohon mengemukakan satu usul untuk meluluskan Anggaran Tambahan Perbelanjaan (Perbekalan) 2023 dan Penyata Tambahan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti yang terkandung dalam kertas CMD 1 Tahun 2023 dan CMD 2 Tahun 2023.

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat yang menyokong?

**Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam]:** Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Dewan ialah bahawa usul dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri hendaklah dipersetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan 'bersetuju',  
Yang tidak bersetuju katakan 'tidak',  
Lebih suara yang bersetuju,  
Usul dipersetujukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka dengan itu Dewan ini ditangguh dan bermesyuarat semula pada 9 Ogos, hari Rabu, 2023, jam 10 pagi.

**Tuan Speaker:** Ada menyokong.

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]:** Tuan Speaker. Saya sokong penuh.

**Tuan Speaker:** Mahu pulang awal ini.

**Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan [Datuk Isnin bin Haji Aliasnih @Liasnih]:** Pulang.

(Kedengaran ketukan sebanyak tiga kali)

Ditangguhkan sebagaimana yang dipersetujui pada pukul 3.00 petang.

Ditetapkan: “Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga esok pukul 10.00 pagi, 9 Ogos 2023.”

📄 SDN08082023/bnm